


Jilid II
Bil. 56



MALAYSIA

Hari Isnin
22hb November, 1976

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5789]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 5819]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1977:

Jawatankuasa (Hari Keenam)—

Jadual

Kepala B. 22 [Ruangan 5820]

Kepala B. 23 dan B. 24 [Ruangan 5865]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1977:

Jawatankuasa (Hari Keenam)—

Kepala P. 22 [Ruangan 5820]

Kepala P. 23 dan P. 24 [Ruangan 5865]

DICETAK OLEH

IBRAHIM BIN JOHARI, P.I.S., KETUA PENGARAH PERCETAKAN
SEMENANJUNG MALAYSIA, KUALA LUMPUR

1978

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan-Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).

Yang Berhormat	TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
„	PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
„	TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
„	TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
„	TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
„	TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
„	TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
„	TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
„	DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
„	TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
„	TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
„	DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
„	TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
„	DR HEE TIEN LAI <i>alias</i> HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
„	TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
„	TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
„	TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
„	TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
„	TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
„	TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
„	TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
„	TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
„	TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanojit).
„	TUAN LIBEN ANAK KATO <i>alias</i> WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
„	TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
„	DR LIM CHONG EU (Tanjong).
„	TUAN LIM KIAM HOON <i>alias</i> LIM AH YING (Padang Serai).
„	TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
„	DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
„	DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
„	TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
„	TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
„	TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
„	DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
„	TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
„	TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
„	DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
„	TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
„	TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
„	TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
„	TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
„	TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
„	TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 22hb November, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

KESELAMATAN SEMPADAN
MALAYSIA-THAI

1. **Wan Zainab binti M. A. Bakar** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan perjanjian-perjanjian yang telah diperolehi selepas pertemuan beliau dengan bekas Perdana Menteri Thailand Tuan Seni Pramoj baru-baru ini untuk membincangkan keselamatan Sempadan Malaysia-Thai.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memaklumkan bahawa pertemuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dengan bekas Perdana Menteri Thailand, Tuan Seni Pramoj di Pulau Pinang pada bulan Julai yang lalu adalah untuk membincangkan dan bertukar-tukar fikiran mengenai masalah-masalah bersama termasuklah masalah-masalah kerjasama sempadan Malaysia dengan Thailand. Di dalam pertemuan itu kedua-dua belah pihak bersetuju supaya kerjasama di antara kedua-dua negara diperkokohkan dan dipertingkatkan untuk faedah kedua-dua negara. Tidak ada perjanjian khusus yang ditandatangani selepas pertemuan itu tetapi kedua-dua belah pihak bersetuju dan sanggup dan bersedia mengkaji beberapa cadangan berkenaan dengan satu perjanjian baru.

PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN
PUSAT DIPINJAMKAN KEPADA
KERAJAAN NEGERI

2. **Tuan Mohd. Bakri bin Abd. Rais** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa ramai Pegawai-pegawai Kerajaan Pusat yang dipinjamkan kepada Kerajaan Negeri;
- (b) adakah pihak Kerajaan sedar bahawa pegawai-pegawai tersebut tidak mendapat layanan yang baik daripada pihak Kerajaan Negeri; dan
- (c) jika sedar, apakah langkah Kerajaan Pusat untuk memperbaiki keadaan ini, jika tidak, mengapa.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga ini, Pegawai-pegawai Kerajaan Pusat yang dipinjamkan kepada Kerajaan Negeri adalah berjumlah 27 orang.
- (b) Kerajaan tidak sedar tentang adanya aduan-aduan bahawa pegawai-pegawai ini tidak mendapat layanan yang baik daripada Kerajaan Negeri, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Setakat ini, tidak pernah ada sebarang aduan rasmi dari mana-mana pihak pun yang telah disampaikan ke Jabatan yang berkenaan untuk diselidiki. Pada pandangan saya soal layanan tidak baik ini tidaklah timbul oleh kerana pegawai-pegawai terlibat kebanyakannya dipinjamkan atas kehendak dan permohonan Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan itu.
- (c) Jika sekiranya ada aduan yang dikemukakan kelak, Jabatan yang berkenaan akan mengambil tindakan sewajarnya bagi mengatasi masalah-masalah tersebut.

PENTADBIRAN KERAJAAN

3. Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan bahawa Kerajaan telah merancang dan menubuhkan berbagai-bagai Jabatan dan institusi Kerajaan bagi melicinkan dan memajukan lagi sistem-pentadbiran Kerajaan:

- (a) adakah Kerajaan sedar bahawa penubuhan pusat-pusat atau Jabatan-jabatan itu sahaja tidak memadai kalau tidak ditempatkan bilangan pegawai yang cukup untuk melaksanakan dasar-dasar dan menjalankan pentadbiran;
- (b) oleh kerana pembekuan jawatan-jawatan kosong banyak menimbulkan masalah ketidaklicinan hal yang di atas, adakah pembekuan jawatan kosong ini akan ditarik secara beransur-ansur memandangkan ekonomi Negara semakin cerah; dan
- (c) bilakah Kerajaan Pusat akan mengiktiraf bahawa Negeri Perlis itu sebuah negeri seperti Melaka, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan juga dengan diuntukkan Ketua-ketua Pejabat yang tidak lagi bercawangan daripada Alor Star oleh kerana sistem Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri Perlis yang bercawangan di Alor Star banyak melambatkan proses pembangunan di Negeri Perlis.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan sentiasa sedar keadaan perkara yang diperkatakan dalam bahagian (a), soalan Ahli Yang Berhormat itu.
- (b) Mengenai soalan (b), saya suka menyatakan bahawa perkara pembekuan jawatan tidak lagi timbul kerana Kerajaan telahpun memansuhkan keputusan pembekuan jawatan itu mulai 27hb April, 1976 yang lalu.
- (c) Sebagai menjawab soalan (c) pula, Kerajaan Persekutuan tidak pernah membuat pengiktirafan kepada Negeri Perlis seperti yang dianggap oleh Ahli Yang Berhormat itu. Lantikan Ketua-ketua Pejabat dengan cara bersama adalah perkara yang boleh dilakukan menurut Perkara 133, Perlembagaan

Persekutuan bagi tujuan-tujuan penjaminan dan keperluan memberikan perkhidmatan yang dikehendaki. Tertakluk kepada kemampuannya, manamana Kerajaan Negeri pun boleh memohon jawatan-jawatan yang diperlukannya masing-masing menurut peraturan yang ditetapkan dalam Perlembagaan dan Ordinan Acara Kewangan, 1957. Walau bagaimanapun, letak Ibu Pejabat bukannya faktor yang melambatkan kemajuan rancangan-rancangan pembangunan kerana kebanyakan rancangan-rancangan pembangunan mempunyai Pegawai Penyeliaanya yang kebanyakannya bertempat berhampiran dengan projek yang diuruskan itu.

INSTITIUT DAKWAH DAN LATIHAN ISLAM

4. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan bagi memperaktik benar-benar bahawa Islam boleh menjadi benteng kuat mengawal keselamatan dan menghalang perkembangan ideologi komunis, adakah Kerajaan bercadang:

- (a) mengadakan gerakan dakwah secara besar-besaran ke seluruh Negara termasuk mengadakan ceramah-ceramah Islam kepada Pegawai-pegawai Jabatan Kerajaan;
- (b) mengkaji semula sukatan Pelajaran Ugama di sekolah-sekolah supaya murid-murid benar-benar dapat pelajaran dan asuhan ugama yang sempurna; dan
- (c) apakah langkah-langkah Kerajaan kerana melaksanakan hukum-hukum Islam sebagai Undang-undang Negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Senator Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, sebagai menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu:

- (a) Jabatan Perdana Menteri (Bahagian Ugama) memang menjalankan kegiatan-kegiatan dakwah dan telahpun menyediakan rancangan-rancangan gerakan dakwah secara meluas ke seluruh negara melalui berbagai-bagai program kegiatan yang diaturkan oleh

Institusi Dakwah dan Latihan Islam. Sebagai langkah awal, sebuah Jawatankuasa telah ditubuhkan oleh Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Jabatan/Majlis Ugama Islam Negeri-negeri bagi melaksanakan rancangan Bulan Dakwah Serentak di seluruh Negara tidak lama lagi, Insya Allah.

Institusi Dakwah dan Latihan Islam telahpun menjalankan kursus-kursus dakwah dan latihan rohaniah kepada kumpulan Pegawai-pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomati dan juga Pegawai-pegawai Kanan Polis dari seluruh Semenanjung dengan kerjasama yang erat daripada Instituti Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia. Selain daripada itu, Instituti Dakwah juga menjalankan program Kelas-kelas Ugama di Jabatan-jabatan Kerajaan di Kuala Lumpur dan rancangan ini akan diperbesarkan pada tahun 1977 ini nanti dengan bertambahnya pegawai-pegawai Bahagian Ugama.

- (b) Pihak Kementerian Pelajaran memang bercadang untuk mengkaji semula sukatan pelajaran ugama dalam semua peringkat persekolahan supaya didikan akhlak dan ugama menjadi lebih berkesan dan sebagai langkah pertama ke arah itu sebuah jawatankuasa kecil kurikulum telahpun dilantik pada 20hb Oktober, 1976 untuk mengkaji sukatan pelajaran ugama bagi peringkat sekolah rendah.
- (c) Sebagai orang Islam kita berniat dan bercita-cita untuk melaksanakan hukum-hukum Islam di Negara kita ini, tetapi tertakluk kepada Perlembagaan Negara di mana Perlembagaan itu telah memperuntukkan bahawa pentadbiran ugama adalah hak tiap-tiap buah negeri di dalam Persekutuan, di mana D.Y.M.M. Raja-raja adalah menjadi Ketua Ugama Islam di negeri itu, kecuali negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja. Dan Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai sebarang peruntukan di dalam hal ini kecuali Wilayah Persekutuan, adalah langsung di bawah D.Y.M.M. Seri Paduka

Baginda Yang di-Pertuan Agong mengikut Perlembagaan Persekutuan Perkara 3 (5):

“3 (5) Walau apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua Ugama Islam dalam Wilayah Persekutuan; dan bagi maksud ini Parlimen boleh dengan undang-undang membuat peruntukan-peruntukan bagi mengadakan peraturan mengenai hal-ehwal ugama Islam dan bagi menubuhkan suatu Majlis untuk menasihatkan Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara-perkara berhubung dengan ugama Islam.”

Adapun yang berkaitan dengan Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak ditentukan oleh Perkara 3 (3) dalam Perlembagaan yang berbunyi:

“3 (3) Perlembagaan-perlembagaan bagi Negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak hendaklah masing-masing membuat peruntukan bagi memberi kepada Yang di-Pertuan Agong kedudukan sebagai Ketua Ugama Islam dalam Negeri itu.”

Di dalam hal ini Kerajaan Persekutuan telah berusaha bagi menwujudkan satu Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan dipersetujui oleh Majlis Raja-raja bagi menyelaras dan menasihatkan Majlis-majlis Ugama Islam Negeri-negeri yang menjadi anggotanya supaya dapat diwujudkan penyelarasan dan persefahaman di dalam pentadbiran Hal Ehwal Ugama Islam supaya merupakan suatu pentadbiran yang seragam. Dan bagi Wilayah Persekutuan, maka D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah mengwujudkan satu Majlis Hal Ehwal Ugama Islam Wilayah bagi mentadbirkan hal ehwal orang-orang Islam di dalam Wilayah Persekutuan.

Tuan Embong bin Yahya: Soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar ataupun Jabatan Perdana Menteri sedar bahawa ada di antara pegawai-pegawai dakwah yang pergi bercakap di kampung-kampung, bukan

hendak menakutkan orang ramai untuk menyokong Kerajaan, tetapi sebaliknya menggunakan isu-isu yang lama, umpamanya, pengharaman arak, judi dan sebagainya itu untuk menentang balik Kerajaan menyebabkan rakyat begitu keliru dengan ceramah-ceramah yang seumpama itu. Padahal mereka ini datang daripada Institut Dakwah di bawah Jabatan Perdana Menteri sendiri.

Senator Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, apa yang menjadi soalan sekarang ini ialah kegiatan daripada Institut Dakwah itu adakah berjalan dan juga soalan yang ditimbulkan apakah gerakan dakwah yang secara besar-besaran telah dilakukan di negeri-negeri? Jawabnya seperti yang saya sebutkan tadi. Adapun perkara-perkara yang timbul sesudah itu dan kalau Ahli Yang Berhormat mendapati ada pegawai-pegawai dakwah ataupun orang-orang yang menjalankan tugas dakwah itu di Institut Dakwah, Yang Berhormat dapati bahawa mereka itu menggunakan atau melakukan sesuatu yang boleh merugikan dakwah itu pada prinsipnya dan juga negara, maka saya dengan sukacitanya meminta kerjasama daripada Ahli Yang Berhormat memberikan penjelasan keterangan atau laporan yang boleh diambil tindakan atau disiasat bagi memperbaiki cara dan langkah dakwah itu dijalankan.

MUSABAQAH AL QURAN

5. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberi peluang kepada Negara lain menganjurkan Musabaqah Al Quran pada masa akan datang.

Senator Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, negara kita tidak berhak menahan atau menganjurkan negara-negara lain untuk mengadakan Musabaqah Membaca Al-Quran di negara masing-masing. Walau bagaimanapun, mengikut keputusan yang telah dicapai dalam persidangan wakil-wakil negara-negara yang mengambil bahagian juga pemerhati dalam Musabaqah Membaca Al-Quran pada tahun ini adalah dipersetujui bahawa apa yang dianjurkan oleh Malaysia pada masa ini iaitu mengadakan Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa eloklah diteruskan.

Sepanjang pengalaman yang kita telah lalui dalam Musabaqah ini bukan sahaja negara-negara Islam telah memberikan sokongan-sokongannya dengan menghantar Qari dan Qariah serta hakim-hakimnya di dalam Musabaqah Membaca Al-Quran Antarabangsa ini, malahan mereka telah memberi sokongan yang kuat supaya Musabaqah pada peringkat antarabangsa ini diteruskan oleh Malaysia memandangkan kepada usaha yang telah dijalankan, kegiatan-kegiatan yang telah dilaksanakan serta hasil yang telah diterima daripada Musabaqah-musabaqah yang telah diadakan itu.

PENGUSAHA-PENGUSAHA BUMIPUTRA DALAM PERUSAHAAN KAYU-KAYAN

6. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada Kerajaan sedar akan kurangnya pengusaha-pengusaha bumiputra mengambil bahagian dalam perusahaan kayu-kayan dan apakah langkah yang konkrit untuk menolong membantu dan membimbing bumiputra ke arah melaksanakan perkayuan negara dengan memberi lebih banyak peluang kepada bumiputra dan di samping membimbing mereka, apakah usaha untuk membantu pengilang-pengilang bumiputra dalam soal mengendalikan pasarannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama (Tuan Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar anggapan bahawa pengusaha-pengusaha bumiputra kurang mengambil bahagian dalam perusahaan kayu-kayan pada keseluruhannya sungguhpun penyertaan bumiputra dalam bidang perkilangan dan juga pemasaran kayu-kayan khususnya adalah kecil. Kemajuan yang telah tercapai setakat ini adalah seperti berikut:

- (a) Pengeluaran kayu balak 144.3 juta kaki padu atau 58.9% telah dikeluarkan oleh bumiputra pada tahun 1975.
- (b) Perusahaan kilang papan. Bilangan kilang papan yang dimiliki oleh bumiputra telah bertambah dari 42 pada tahun 1965 kepada 58 pada tahun 1975.
- (c) Perusahaan veneer dan papan lapis dari tidak ada pada tahun 1965 kepada 1 kilang pada tahun 1975.

Sekarang ini semua Kerajaan-kerajaan Negeri telah mengambil langkah-langkah yang tegas untuk menggalakkan lagi penyertaan bumiputra dalam perusahaan kayu-kayan.

Menerusi agensi-ajensinya Kerajaan-kerajaan negeri telah menubuhkan 4 buah kompleks kayu-kayan yang berintegrasi dan yang diuruskan secara berkongsi samada dengan gabungan atau dengan syarikat-syarikat bumiputra dengan syarikat bukan bumiputra tempatan atau dengan syarikat-syarikat dari luar negeri.

Dengan cara ini Kerajaan dapat mengadakan kawasan-kawasan membalak atas jangka panjang, mengadakan modal secukup-cukupnya, mengadakan expertise dalam bidang-bidang penting seperti membalak, memproses, membuka peluang penyertaan secara mempunyai saham dan secara mendapat pekerjaan.

Komplek-komplek perKayuan tersebut boleh disifatkan sebagai urat nadi bagi kemajuan bumiputra dalam perusahaan kayu-kayan. Dan adalah **dikendalikan serta** diawasi perjalanannya dengan cekap dan teratur atas jangka panjang. Kerajaan juga adalah sedang mengambil langkah-langkah tertentu untuk menggalakkan penyertaan bumiputra dalam bidang pemasaran, eksport kayu-kayan keluar negeri. Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia iaitu satu Lembaga di bawah Kementerian saya telahpun mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah syarikat usahasama dengan kilang-kilang papan bumiputra dengan tujuan menyatukan pekilang-pekilang bumiputra yang sedang menjalankan perusahaan mereka secara kecil dan memberi segala bantuan dan bimbingan untuk memperbaiki kedudukan mereka. Keutamaan akan diberi kepada perintis-perintis bumiputra yang sekarang telahpun terlibat di dalam perkilangan kayu gergaji melalui badan pemasaran tersebut yang akan menyelenggarakan segala urusan pembekalan diekspot untuk khidmat bersama. Badan tersebut akan juga membekalkan syarikat pengeksport bumiputra yang sekiranya menghadapi kesulitan untuk mendapatkan pembekalan kayu gergaji bagi menampung pesanan-pesanan yang mereka dapati dari luar negeri.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi kita telah mendengar Yang Berhormat

Setiausaha Parlimen menerangkan iaitu Kerajaan sedar masaalah penyertaan bumiputra dalam bidang perKayuan ini amatlah lemah dan berkurangan. Kerajaan sekarang ini cuma merancang hendak mengadakan atau membuka usaha bersama dan sebagainya daripada segi bidang perniagaan. Saya hendak bertanya kepada Setiausaha Parlimen yang berkenaan, adakah Kementerian beliau tidak memikirkan iaitu memandangkan kayu-kayan ini memainkan peranan yang penting dan yang banyak di dalam negara kita, tidakkah Kementerian yang berkenaan mengadakan satu sekolah latihan yang berbentuk intergrasi juga supaya dapat memberi latihan dalam masaalah perKayuan ini daripada bidang technical know-how dan seterusnya dalam bidang perniagaan.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang Sekolah Latihan Perhutanan di Kepong dari semasa ke semasa ada menjalankan kursus, tetapi kursus khas bagi menggalakkan atau memberi pengetahuan kepada kaum bumiputra untuk menjalankan usaha perniagaan dan sebagainya barangkali akan dijalankan pada masa hadapan. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat tadi kerana cadangan seperti itu boleh dikaji dengan telitinya.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan angka 58.9% tahun 1975 bagi kilang papan yang dipunyai oleh bumiputra itu daripada berapa jumlahnya.

Yang kedua, saya ingin bertanya, tidakkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa kedudukan bumiputra pada saat-saat yang akhir ini gemar sedikit untuk melibatkan diri dalam bidang perusahaan perKayuan setelah digalakkan oleh pihak Kerajaan. Tetapi malangnya untuk menubuhkan kilang-kilang papan di negeri ini, apa yang saya tahu dibekukan oleh pihak negeri-negeri. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menimbangkan hal ini supaya bumiputra yang mahu melibatkan diri dalam bidang perusahaan perKayuan ini dapat diluluskan sekiranya mereka benar-benar berusaha dan memohon dalam hal ini.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang pertama berkenaan dengan angka 58.9% ini ialah jumlah

pengeluaran kayu balak. Sebagaimana saya katakan tadi jumlah kayu balak yang dikeluarkan pada tahun 1975 oleh kaum bumiputra ialah 144.3 juta kaki padu. Pada keseluruhannya jumlah dikeluarkan adalah tidak kurang daripada 210 juta kaki padu. Ini membuktikan penyertaan bumiputra dalam bidang pengeluaran kayu balak telah terlampau naik sehingga tidak kurang pada 60%. Ini boleh dikatakan satu kemajuan yang memuaskan.

Berkenaan dengan soalan yang kedua mengenai lesen untuk menjalankan kilang papan, ini seperti saya jelaskan pada suatu mesyuarat yang lalu, adalah tertakluk kepada Kerajaan Negeri. Semua lesen untuk menjalankan kilang papan adalah hak Kerajaan Negeri dan pada masa sekarang seperti Ahli Yang Berhormat kata tadi pengeluaran lesen ini telah dibekukan. Tetapi perkara ini barangkali akan dikaji semula, dari segi dasar Kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak lagi kaum bumiputra mengambil bahagian dalam bidang membuat kayu gergaji atau kilang papan.

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, dari 58% yang dikeluarkan oleh bumiputra ingin saya mendapat tahu berapa percents yang dikeluarkan oleh agensi-agensi Kerajaan?

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, malangnya saya tidak ada statistik mengikut pecahan kaum bumiputra secara perseorangan dan agensi, tetapi agensi-agensi bumiputra yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Pusat berjumlah 14 buah semuanya. Semuanya ialah sebagaimana yang saya katakan tadi yang berbentuk integrasi dan kemungkinan banyak dikeluarkan daripada agensi-agensi itu. Pada masa ini saya tidak mendapat angka-angka berapa bahagian daripada 58.9% itu dibuat oleh syarikat atau firma-firma bumiputra persendirian.

Tuan Sanusi bin Junid: Mungkinkah dari jumlah 58.9% itu sebahagian besar pengeluaran yang dikatakan bumiputra sebenarnya dikeluarkan oleh agensi-agensi Kerajaan?

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya kata tadi, adalah kemungkinan, tetapi kalau Ahli Yang Berhormat itu boleh beri notis, saya boleh beri anggaran yang lebih tepat lagi.

Tuan Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, adakah perusahaan kayu-kayan bumiputra yang dikatakan oleh Setiausaha Parlimen sebenar-benarnya dikerjakan atau diusahakan oleh bumiputra sendiri, ataupun lesennya sahaja bumiputra, sedangkan yang lain-lain yang mengerjakannya itu semua orang lain.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, mengikut pengetahuan Kementerian ini, memang lesen itu dikeluarkan kepada kaum bumiputra dan kita sangka ini dijalankan oleh bumiputra sendiri. Tetapi barangkali ada kadang-kala satu dua yang dijalankan dengan cara Ali-Baba—itu barangkali ada.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bukannya tok nujum.

KOPERASI PERTANIAN

7. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kerajaan akan menjalankan usaha untuk menggalak sistem koperatif dalam usaha memajukan persawahan. Jika benar, bila hendak dijalankan dan cara sebenarnya.

Menteri Pertanian (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, petani-petani sawah telah memang digalakkan menjadi ahli pertubuhan koperasi pertanian di tempat masing-masing. Melalui pertubuhan-pertubuhan tersebut mereka boleh mendapat berbagai-bagai kemudahan seperti kredit, baja, ubat serangga, jentera dan pemasaran. Kementerian Pertanian telah memang memberi bantuan-bantuan tersebut melalui berbagai-bagai agensinya dengan bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan koperasi pertanian itu.

SEKOLAH UBAT TROPIKA

8. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Pertubuhan Kesihatan Sedunia akan menubuhkan sebuah Sekolah Ubat Tropika di Instituti Penyelidikan Perubatan Malaysia. Berapa harga projek tersebut. Berapa ramai pegawai-pegawai dari negara-negara jiran yang sedang mendapat latihan di Instituti tersebut sekarang.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Regional Pertubuhan Kesihatan Sedunia mengenai Penyelidikan Perubatan telah

bermesyuarat di Manila dalam bulan Jun tahun ini, dan mengikut lapuran satu rombongan yang melawat Instiut Penyelidikan Perubatan, Instituit ini telah disyorkan sebagai satu tempat yang sesuai bagi menubuhkan Pusat Regional Pertubuhan Kesihatan Sedunia bagi penyelidikan dan latihan di bidang Penyakit-penyakit Tropika. Syor rombongan itu telah dikemukakan ke dalam agenda bagi Persidangan Ke 27 Jawatankuasa Regional yang telah diadakan di Manila pada 6hb hingga 11hb September, 1976 dan keputusan mereka masih ditunggu. Sekiranya cadangan ini diterima, rancangan-rancangan mengenai bilakah pusat ini akan ditubuhkan dan harga projek tersebut akan dijalankan oleh Kumpulan-kumpulan Petugas (Task Forces) Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang akan mengendalikan perlaksanaan syor tersebut. Keterangan-keterangan detail yang memerlukan kajian yang lebih lanjut, masih belum diperolehi pada masa ini.

Mengenai bilangan Pegawai-pegawai dari negara-negara jiran yang menerima latihan di Instituit ini, saya ingin nyatakan bahawa sebagai sebahagian dari cawangan South-east Asian Ministers of Education Organization—Regional Tropical Medicine and Public Health Project (SEAMEO-TROPMED), Instituit ini menyediakan satu kursus Diploma dalam Kajiserangga dan Sains Gunaan. Daripada 96 pegawai Perubatan/Ahli-ahli Sains yang telah dilatih selama ini di bawah program Regional Tropical Medicine and Public Health Project (TROPMED), 71 orang daripadanya adalah dari luar negeri seperti berikut:

Indonesia	...	...	...	21
Khmer	...	...	...	1
Korea	...	...	...	1
Laos	...	...	...	2
Philippines	...	...	...	15
Singapore	...	...	...	2
Thailand	...	...	...	21
Vietnam Selatan	...	...	...	8

BEKALAN LETRIK LUAR BANDAR

9. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan apakah sebabnya rancangan bekalan letrik ke kampung-kampung banyak tergendala. Jika sebabnya berkaitan dengan pengimpotan alat-

alat dari luar negeri, adakah Kerajaan telah membuat persediaan supaya kejadian seperti itu tidak berlaku dalam masa melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga.

Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, selain daripada faktor yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya terdapat beberapa faktor-faktor lain yang telah menyebabkan kelambatan dan kegendalaan di dalam pelaksanaan setengah-setengah daripada projek-projek bekalan letrik luar bandar. Masaalah yang paling besar yang sering dihadapi oleh Lembaga Letrik Negara untuk melaksanakan projek-projek bekalan letrik luar bandar ialah kesukaran mendapat izin lalu. Masaalahnya ialah setengah-setengah tuannya tanah dan pokok tidak membenarkan tanah mereka yang terlibat dilalui dan pokok-pokok yang tertentu ditebang atau dipotong untuk membolehkan talian letrik disambungkan.

Memadai dengan adanya satu atau dua tuan yang punya tanah yang tidak memberi kebenaran izin lalu ini maka keseluruhan projek akan tergendala. Kementerian saya telah mengambil langkah untuk mengatasi masaalah ini iaitu satu perbincangan dengan Pegawai-pegawai Kemajuan Negeri telah diadakan baru-baru ini bagi mengetahui masaalah tersebut secara halus bagi tiap-tiap negeri dan langkah-langkah yang sesuai untuk mengatasinya. Di samping itu pihak Lembaga Letrik Negara juga sentiasa berhubung rapat dengan Pegawai Pemungut Hasil Tanah Negeri dan juga Wakil-wakil Rakyat dengan harapan masaalah ini dapat diatasi.

Berhubung dengan masaalah ini saya mengambil kesempatan merayu kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membantu Lembaga Letrik Negara mengatasi masaalah ini jika timbul di kawasan-kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri supaya pelaksanaan rancangan ini dalam Rancangan Malaysia Ketiga dapat berjalan dengan lebih lancar lagi. Seterusnya Lembaga Letrik Negara juga menghadapi masaalah kekurangan pemborong-pemborong. Masaalahnya ialah bilangan pemborong-pemborong yang berkeelayakan adalah terhad terutama sekali di Pantai Timur Semenanjung. Masaalah pemborong ini menjadi lebih rumit lagi oleh kerana didapati

kebanyakan pemborong-pemborong tidak mempunyai kakitangan yang tetap tetapi mereka menggunakan satu pasukan pekerja yang sama untuk beberapa pemborong. Walau bagaimanapun, Kementerian saya telah mengambil langkah bagi menggalakkan pemborong-pemborong di Pantai Barat menjalankan pekerjaan di kawasan-kawasan yang berkurangan pemborong-pemborong tempatan seperti di sebelah utara dan Pantai Timur Semenanjung.

Adalah benar dalam Rancangan Malaysia Kedua Lembaga Letrik Negara menghadapi masalah kekurangan bahan-bahan tertentu baik yang dibekalkan dalam negeri ataupun dari luar negeri. Masalah ini timbul dengan berlakunya keadaan inflasi sedunia dalam tahun 1973 dan tahun 1974. Walau bagaimanapun, masalah ini telah berkurangan sejak tahun 1975 dan buat masa sekarang pada keseluruhannya keadaan bekalan bahan-bahan adalah memuaskan. Pihak Lembaga Letrik Negara juga telah mengambil daya-usaha untuk mengeluarkan alatan-alatan tertentu untuk penyambungan api letrik. Pada masa sekarang Lembaga Letrik Negara telah mula mengeluarkan Kabel Bawah Tanah Voltan Tinggi melalui syarikat usahasama Federal Power dan Talikom. Adalah dijangka Lembaga Letrik Negara akan dapat mengadakan alatan-alatan lain seperti transformer, switch-gear dan meter dalam masa tidak lama lagi.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, setakat yang saya tahu perkara seperti izin lalu, kekurangan pemborong tidak pernah dibangkitkan oleh pihak Lembaga Letrik Negara di Mesyuarat Tindakan Daerah, tetapi kebanyakan Mesyuarat Tindakan Daerah yang saya pergi, terutamanya di Temerloh, Pegawai L.L.N. mengatakan bahawa rumah-rumah di kampung ini buruk, tidak ada standard, bahaya jikalau hendak dipasang letrik. Jadi itulah sebabnya rumah-rumah kampung di daerah Temerloh itu jarang benar mendapat letrik, susah hendak dapat. Adakah alasan ini mendapat restu daripada Kementerian ataupun adakah alasan ini dibuat-buat sahaja oleh L.L.N. di daerah dan jikalau alasan ini dibuat oleh Pegawai L.L.N. di daerah, adakah cadangan Menteri yang berkenaan supaya menyiasat perkara ini?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar yang Lembaga

Letrik Negara tidak membenarkan ataupun tidak memberi bekalan letrik kepada rumah-rumah yang terlampau buruk ataupun bangunan temporary kerana ini adalah difikirkan merbahaya kalau kita adakan lampu letrik di tempat yang tidak begitu wujud keadaannya ataupun terlampau buruk keadaannya.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Soal Tambahan. Saya faham kalau rumah buruk tidak sesuai dipasang wire letrik kerana bahaya tetapi adakah ini bermakna kalau sesebuah kampung itu ada 100 buah rumah, ada tiga, empat rumah orang tua-tua Melayu yang buruk, maka Pegawai L.L.N. memberi alasan bahawa kampung ini ada rumah buruk dan L.L.N. tidak boleh masukkan letrik? Jadi, seburuk mana dan secantik mana baru letrik itu boleh dimasukkan? Ini yang saya hendak tahu kerana kampung Melayu semuanya buruk kerana orangnya miskin.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Soalan ini adalah tersangat umum, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham hujjah, Yang Berhormat itu. Adakah disifatkan sebuah kampung tidak boleh dimasukkan letrik kerana ada tiga buah sahaja rumah buruk ataupun adakah alasan itu tidak boleh masuk kepada individu, rumah ini tidak boleh masuk, rumah ini boleh. Rasa saya begitulah, bukan?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya faham apa yang dimaksudkan, tetapi saya katakan soal ini adalah tersangat umum dan sangat payah kita hendak beri jawapan yang tepat di sini, kerana saya tidak tahu adakah rumah yang 100 itu, yang dua tiga rumah yang buruk itu ditengah-tengah, di tepi atau di mana—itu kita tidak tahu. Kalau umpamanya 100 buah rumah, katakanlah, 5 buah rumah, kalau yang satu rumah itu ada baik dan yang nombor dua itu buruk dan yang lain ada baik tetapi yang mana sepatutnya wiring perlu melintasi dengan rumah yang nombor dua ini, dan kalau mereka ini serentak, kelima-lima mahu minta lampu juga, sudah tentu kita tidak dapat jalankan wiring itu jikalau rumah yang kedua itu juga perlu diadakan, kerana rumah yang nombor dua sepertimana yang saya katakan tadi tidak layak kita pasang wiring kerana boleh jadi

merbahaya. Walau bagaimanapun, kalau masaalah ini ada timbul dalam kawasan Yang Berhormat ataupun Yang Berhormat yang lain-lain selain daripada yang telah mengemukakan tadi, saya sentiasa bersedia untuk mengarahkan pegawai-pegawai Lembaga Letrik Negara untuk meneliti kedudukan tersebut supaya kita dapat atasi masaalah ini.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya istilah buruk-cantik ini tadi, apakah standard yang dikenakan oleh pegawai L.L.N., kerana rumah orang kampung ini, terutama kalau rumah penangkap ikan ataupun kampung pendalaman memang buruk rumahnya. Jadi apa dia ukuran buruk dan cantik itu dan setakat mana cantiknya baru boleh masuk api letrik ini. Kalau L.L.N. sendiri menggunakan kuasanya secara arbitrary, jadi semua orang kampung tidak layak, melainkan kampung-kampung baru sahaja yang rumahnya teratur dan cantik yang layak dapat bekalan letrik. Ini saya minta kenyataan, ukuran standard macam mana cantik dan macam mana buruk, setakat mana layak, setakat mana tidak layak, bukan kepada individu sahaja.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, satu daripada ukurannya ialah rumah itu sudah beberapa degree mahu roboh, sudah bocor ataupun sudah tidak betul lagi. Itu satu daripada contoh atau ukurannya. Oleh kerana saya sendiri pun bukan technical man, kerja ini dijalankan oleh Jurutera Lembaga Letrik Negara. Tetapi walau bagaimanapun, sebagaimana yang saya katakan tadi kalau Ahli Yang Berhormat itu mengetahui betul ada sebuah kampung yang menghadapi masaalah yang seumpama itu atau 100 buah rumah seperti yang dikatakan hanya tiga buah rumah sahaja yang buruk, kesemua 100 buah itu tidak dapat bekalan letrik, sila bawa perkara itu kepada saya supaya kita boleh mencari jalan mengatasinya.

Soal minta saya terangkan bagaimana yang dikatakan buruk, bagaimana yang tidak dikatakan tidak buruk; kerana tidak ada contoh rumah di dalam Dewan yang mulia ini, jadi payahlah saya hendak tunjukkan yang mana boleh dan mana pula yang tidak boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Barangkali ada baiknya kalau Ahli Yang Berhormat boleh

tunjukkan Yang Berhormat Menteri di mana satu kampung yang boleh dijadikan contoh. Di situ boleh dihukumkan: ini kampung yang rumahnya buruk atau tidak buruk.

Tuan Haji Jamil bin Ishak: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawasannya projek L.L.N. ini sudah kebelakangan tiga empat tahun. Kalau Yang Berhormat Menteri sedar dapatkah beliau memberikan jaminan di dalam Dewan ini supaya orang ramai mengetahui cara mana dan apakah corak perlaksanaannya supaya keadaan yang demikian tidak berulang lagi atau tidak kelambatan sebagaimana yang berlaku pada hari ini.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya terangkan tadi, Kementerian saya sedar memang ada beberapa projek yang sudah kebelakangan dua, tiga atau empat tahun yang disebabkan oleh sebab-sebab yang telah saya terangkan tadi. Walau bagaimanapun, tindakan-tindakan sudahpun dan sedang diambil untuk mengatasi masaalah ini. Tetapi kalau hendak mengadakan jaminan sama sekali bahawa perkara ini tidak akan berlaku lagi, itu payahlah bagi saya kerana kadangkala ada juga sesuatu masaalah yang payah diatasi dalam sesuatu hal. Jadi bila menjamin yang perkara itu tidak akan berlaku sama-sekali atau tidak akan timbul lagi, itu adalah payah bagi saya untuk menentukan di dalam Dewan yang mulia ini. Kerana kalau saya jamin, kemudian lain kali ada juga satu dua perkara yang tidak berjalan di belakang hari nanti Ahli Yang Berhormat itu akan bertanya balik mengatakan sekian-sekian haribulan saya dapat jaminan, tetapi hingga hari ini belum dilaksanakan. Sepertimana yang saya katakan tadi, walau bagaimanapun segala usaha adalah diambil untuk mengatasi masaalah-masaalah ini.

BEKALAN AIR KE KAWASAN SETINGGAN

10. Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan bilakah beliau hendak memasukkan bekalan paip umum kepada kawasan-kawasan setinggan dalam Wilayah Persekutuan yang pada ketika ini tidak ada bekalan air paip dan adakah beliau akan meluluskan permohonan

individu kemasukan air di kawassan setinggan supaya bebanan pemasangan paip umum tidak timbul.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, permohonan-permohonan untuk mendapatkan kemudahan paip umum dari kawasan-kawasan di bawah pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah diterima dari masa ke semasa dan tiap-tiap permohonan tersebut sentiasa mendapat perhatian sewajarnya dan diberikan pertimbangan bergantung kepada kedudukan atau keadaannya masing-masing.

Perlu dinyatakan bahawa permohonan-permohonan yang diterima ini bukan sahaja dari kawasan-kawasan yang belum lagi mempunyai kemudahan tersebut bahkan juga ada diterima permohonan-permohonan tambahan. Walau bagaimana, begitu banyak permohonan yang diterima lebih-lebih lagi dalam dua tahun kebelakangan ini. Dengan adanya kawasan-kawasan baharu setelah ter-tubuhnya Wilayah Persekutuan maka ke-utamaan harus dan adalah diberi kepada kawasan-kawasan yang belum lagi mendapat kemudahan tersebut. Bagi tahun ini sahaja sebanyak 29 kawasan telahpun diberi kelulusan sementara beberapa permohonan lainnya sedang dalam pertimbangan. Pihak Kerajaan tidak bercadang untuk meluluskan permohonan memasukkan bekalan air ke rumah-rumah di kawasan setinggan disebabkan beberapa masalah yang mungkin timbul akibatnya, kecuali kawasan-kawasan tertentu yang ada di dalam rancangan bagi memperbaiki keadaannya, dan tanah-tanah itu akan dikeluarkan hakmilik.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan. Saya berbesar hatilah mendengarkan Setiausaha Parlimen menerangkan iaitu sebanyak 29 kawasan telah dimasukkan bekalan paip umum. Saya hendak bertanya samada Setiausaha Parlimen mengetahui serba-sedikit untuk pengetahuan orangramai jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan untuk menampung membekalkan paip-paip umum ini.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, secara purata jumlah yang dikenakan terhadap pentadbiran ini, ke atas penggunaan air melalui paip-paip umum oleh Jabatan

yang berkenaan adalah dianggarkan dalam lingkungan 50,000 tiap-tiap bulan. Dan jumlah bilangan paip-paip umum di sekitar Wilayah Persekutuan sehingga kini berjumlah tidak kurang 500 batang.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan. Jadi sekarang kita telah jelas, iaitu pihak Kerajaan telah membelanjakan untuk paip umum bekalan air ini \$50,000 tiap-tiap bulan. Soalan saya yang asal ada juga meminta kenapa Kerajaan tidak meluluskan permohonan individu supaya tida membebankan pihak Kerajaan, dan di dalam jawapan Setiausaha Parlimen tadi ada menerangkan berbagai-bagai masaalah. Apakah masaalah besar yang menyebabkan pihak Kerajaan tidak dapat meluluskan permohonan individu daripada pihak setinggan memasukkan paip ke dalam rumah masing-masing untuk meringankan beban bayaran sebanyak \$50,000 itu?

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa sebab yang Kerajaan kita tidak dapat mempertimbangkannya:

- (1) Jika kita memasukkan paip kepada kawasan-kawasan setinggan, ini boleh merupakan satu masaalah apabila kita hendak legitimise kawasan-kawasan setinggan itu yang sampai setakat ini adalah illegal structures;
- (2) Rumah-rumah setinggan ini tidak bernombor, oleh itu macamana kita hendak hantar bil-bil air kepada mereka;
- (3) Jika kita legitimise rumah-rumah setinggan ini, ini adalah merupakan satu cara yang tidak adil kepada orang-orang yang mengikuti atau menghormati undang-undang yang menyewa rumah atau bilik yang overcrowded dengan tidak berani membina rumah-rumah setinggan.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, tadi Setiausaha Parlimen menerangkan rumah setinggan ini kalau masuk paip kononnya akan menghalalkan keadaan mereka. Apa yang saya hendak bertanya ialah masaalah setinggan-setinggan yang sedia ada sekarang, mereka duduk secara setinggan, tidakkah Kerajaan atau Kementerian bercadang untuk menghalal buat sementara waktu mereka ini diberi TOL supaya rumah-rumah itu bernombor dan dapat pula pihak Kerajaan mengutip hasil daripada mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah masaalah boleh dihalalkan buat sementara waktu apa yang haram. Sila jawab. (*Ketawa*).

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat itu menunjukkan suatu sikap peri kemanusiaan. Ini saya percaya ialah sikap yang baik dan saya hendak memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat itu, Kerajaan pun bersikap demikian juga. Tetapi kita mesti mengkaji dan menimbangkan dengan teliti dari tiap-tiap segi dan faktor yang berkenaan dengan perkara itu. Kita tidak boleh memberi keputusan sekarang. Saya hendak memberitahu Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya sedang mengkaji kita boleh menghalalkan rumah setinggan. Tetapi oleh sebab keputusan belum dibuat, hari ini saya tidak mahu memberi suara yang setengah masak. (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan yang akhir.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Masaalahnya hendak menghalalkan, ini kalau tidak silap saya, adakah Setiausaha Parlimen sedar pada satu ketika dahulu seorang Timbalan Menteri pernah mengumumkan iaitu kawasan-kawasan setinggan di dalam Bandaraya ini akan diberi TOL. Adakah pengumuman daripada seorang Timbalan Menteri ini mengumumkan tanpa sebarang kajian ataupun tanpa pengetahuan Bandaraya dan Kementerian yang berkenaan, saya hendak tanya.

Dr Ling Liong Sik: Sebagaimana saya telah nyatakan, ada sedikit kawasan-kawasan yang diketepikan untuk memberi TOL dan hakmilik kepada setinggan, tetapi ini bukan keseluruhannya dan tiap-tiap tempat mesti dikaji dahulu dan apa Ahli Yang Berhormat tanya tadi adalah satu question general.

KIRIMAN WANG BERDAFTAR POS

11. Tuan Abu Bakar bin Arshad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan tidakkah Kerajaan bercadang menaikkan jaminan bayaran Kiriman Wang Berdaftar Pos dari \$25 kepada \$50 bagi kemudahan si pengirim dan si penerimanya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, jumlah maksima pampasan bagi se-

suatu benda berdaftar yang telah hilang dalam perjalanan pos dalam Malaysia ialah sebanyak \$40 sejak 17-8-73. Jumlah maksima pampasan terdahulunya ialah \$25.

Jumlah maksima pampasan bagi kehilangan seperti itu adalah dipakai oleh semua Pentadbiran Pos-Pentadbiran Pos dan telah ditetapkan oleh Kesatuan Pos Sedunia yang mana Malaysia adalah menjadi ahlinya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Cho Hock.

(*Soalan No. 12 Y.B. Tuan Lim Cho Hock tidak hadir*).

RANCANGAN PENANAMAN SEMULA NENAS

13. Tuan Lukman bin Abdul Kadir minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sejauh manakah kejayaan Kementerian-kementeriannya menjalankan rancangan penanaman semula nenas dan berapa luaskah yang telah ditanam serta adakah Kerajaan bercadang hendak memberi bantuan kepada penanam-penanam nenas yang baru.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, sejak bermulanya Rancangan Penanaman Semula Nenas pada tahun 1972 sehingga akhir Rancangan Malaysia Kedua pada tahun 1975, seluas kira-kira 5,300 ekar telah ditanam semula. Pecahan-pecahannya adalah seperti berikut:

Tahun			Keluasan
1972	...	...	233 ekar
1973	...	...	660 ekar
1974	...	...	1,800 ekar
1975	...	...	2,600 ekar

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, matlamatnya ialah untuk menanam semula kira-kira 16,000 ekar kebun-kebun kecil nenas tua pada kadar antara 3,000 hingga 3,500 ekar setahun. Saya suka memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pada tahun ini seluas 3,000 ekar dijangka akan dicapai.

Mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat samada bantuan akan diberi bagi penanaman nenas baru, jawapannya ialah tidak kerana dasar Kerajaan hanyalah untuk memberi bantuan bagi penanaman semula kebun-kebun kecil yang mengandungi nenas tua

sahaja. Bagaimanapun, Lembaga Perusahaan Nenas ada menyediakan apa-apa perkhidmatan yang perlu kepada semua pekebun kecil nenas seperti perkhidmatan perkembangan dan latihan-latihan yang bertujuan memperbaiki cara-cara pertanian pekebun-pekebun kecil. Pada masa ini Lembaga tersebut adalah juga sedang mengusahakan satu sekim percubaan kredit pengeluaran dengan kerjasama Lembaga Pertubuhan Peladang dan Bank Pertanian yang mana terutamanya bertujuan memberi kredit baja kepada pekebun-pekebun kecil nenas. Selain dari itu, Lembaga Perusahaan Nenas juga adalah sedang menguruskan lain-lain perkhidmatan bagi faedah pekebun-pekebun kecil seperti pengangkutan dan pemasaran buah-buah nenas dan juga pembinaan jalan-jalan kebun dan parit-parit air yang dikendalikan dengan kerjasama Pihak Berkuasa Johor Barat.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Saya ingin tahu dari segi istilah pekebun-pekebun kecil yang diberikan bantuan kepada penanam nenas ini, yang pertama, berapa ekarkah sekurang-kurangnya dapat ditimbang untuk diberi bantuan tanaman semula. Yang kedua, berapa lamakah umur nenas ini baharu boleh dapat bantuan tanaman semula.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Bolehkah Yang Berhormat menerangkan soalan itu sekali lagi?

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya begini. Yang pertama, berapa ekarkah sekurang-kurangnya baharu boleh dapat bantuan tanaman semula nenas, ertinya sekurang-kurang berapa ekar yang boleh diminta bantuan. Yang kedua, berapa lamakah umur nenas ini—berapa tahunkah nenas ini sudah ditanam baharu boleh diminta bantuan tanaman semula?

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya ketahui, sekarang ada 7,300 ekar telah ditanam semula dan 4,000 ekar telah ditanam dan menghasilkan buah nenas. Kerajaan boleh memberi bantuan seperti sumbangan menanam semula kepada pekebun-pekebun nenas, tetapi sekarang ada satu sekim untuk memberi bantuan kepada pekebun-pekebun nenas seperti kredit baja.

PERAIRAN KEMUBU

14. Tuan Haji Zakaria bin Ismail minta Menteri Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan samada beliau sedar bahawa mengikut banci hak milik seorang petani di dalam perairan Kemubu hanya di antara 2 hingga 3 ekar sahaja tanah padi. Apakah keluasan sebanyak yang tersebut sudah pun cukup bagi seorang petani itu mendapat kehidupan yang lumaian hasil daripada perusahaan mereka di atas keluasan tanah kadar yang tersebut. Jika sedar, apakah langkah-langkah yang telah dijalankan dan yang akan dijalankan bagi mengatasinya.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memangnya sedar bahawa luas tanah yang dimiliki oleh petani-petani di kawasan Perairan Kemubu ialah antara 2 hingga 3 ekar tanah padi sahaja. Ini adalah menunjukkan kelebihan tenaga petani berbanding dengan luas tanah petani yang ada. Cara-cara mengatasinya ialah dengan menggalakkan petani-petani menyertai projek-projek pembangunan tanah yang dijalankan oleh ejensi-ejensi pembangunan Kerajaan dan juga memperbaiki lagi kaedah penanaman cara mempergunakan jentera-jentera dan baja supaya memperolehi hasil yang lebih. Selain dari itu, satu kaji-lidik sosio-ekonomi secara menyeluruh telahpun dijalankan oleh FELCRA dan laporan terakhir kaji-lidik ini sedang diproses. Dari laporan ini nanti adalah diharapkan Kerajaan akan dapat mencari jalan yang sesuai untuk memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi kaum petani di kawasan tersebut.

KUMPULAN BOTAK CHIN

15. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar dengan adanya kecakapan Pasukan Keselamatan, kegiatan Kumpulan Geng Botak Chin telah lemah pada masa ini, jika sedar;

- apakah kegiatan Kumpulan Geng Botak Chin ini;
- berapa orangkah geng ini yang telah dibunuh atau ditangkap oleh pasukan keselamatan; dan
- apakah senjata yang telah ditawan dari geng tersebut.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kumpulan Botak Chin telah ditubuhkan di Kuala Lumpur dalam bulan November tahun 1974. Kumpulan itu dipercayai bertanggungjawab ke atas 21 kes samun, 4 kes cuba membunuh dan 1 kes membunuh.
- (b) Sejak Kumpulan Botak Chin itu ditubuhkan, 5 ahli kumpulan tersebut telah ditembak mati dan 10 ahli lagi ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan 5 di bawah Ordinan Dharurat 5/69. Selain dari itu seramai 26 orang sahabat kumpulan tersebut telah juga ditangkap di bawah Ordinan Dharurat 5/69.
- (c) Senjata-senjata yang telah dirampas dari kumpulan tersebut adalah 6 butir bom tangan, 10 pucuk pistol, 5 pucuk revolver, 2 senapang patah dan 329 butir peluru.

Pada hemat Kementerian ini, Kumpulan Botak Chin ini sudahpun dapat dipatahkan.

PEGAWAI-PEGAWAI PERUBATAN

16. Puan Chow Poh Kheng minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa banyakkah bilangan pegawai perubatan yang telah menjalankan perkhidmatan wajib dalam Kerajaan untuk tahun 1973, 1974 dan 1975.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua, bilangan pegawai-pegawai perubatan yang dilantik bagi menjalankan perkhidmatan wajib dalam Kerajaan adalah seperti berikut:

1973	...	...	232 orang
1974	...	...	283 orang
1975	...	...	257 orang

EJEN KOMINIS

17. Tuan Embong bin Yahya minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah telah dapat dikesan anasir-anasir atau ejen kominis dalam Kerajaan yang dikatakan menyeludup dan meresap secara halus.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan yang hampir sama

telah dijawab pada 25hb Oktober, 1976 yang lalu. Telah dinyatakan bahawa apa-apa siasatan yang dibuat oleh Kerajaan bukan disebabkan oleh tuduhan dari mana-mana pihak, tetapi puncanya daripada pengetahuan pihak perisik.

PENDEDAHAN SAMAD ISMAIL

18. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah mereka yang telah dan akan ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri berikutan dengan dakwaan Samad Ismail akan adanya beberapa orang pemimpin-pemimpin Kerajaan yang dikatakan menjadi orang suruhannya dan jika ada berapa ramai dan bilakah mereka itu akan ditangkap.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, beberapa soalan yang sama telah dikemukakan tetapi saya tidaklah hendak menambah dari apa kenyataan yang telahpun dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 1hb November, 1976 berhubung dengan pendedahan Samad Ismail.

MURID-MURID PONTENG SEKOLAH

19. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan bagaimanakah hasil kajian lapuran lengkap mengenai murid-murid ponteng sekolah di Kelantan sebagaimana yang disiarkan oleh Berita Minggu keluaran 10hb Oktober, 1976 yang lalu. Nyatakan samada angka 9,333 orang murid yang terlibat dengan kejadian itu tepat atau sebaliknya. Apakah sebab-sebabnya yang berlaku demikian, dan apakah usaha-usaha Kerajaan bagi mengatasinya.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, haruslah diambil ingatan bahawa penyelidikan yang telah dibuat oleh Pejabat Pelajaran Kelantan itu, adalah satu penyelidikan tentang "ketidakhadiran" (absenteeism) di kalangan murid-murid Sekolah-sekolah Menengah pada jangka masa Januari sampai Ogos, 1976.

Pernyataan bahawa seramai 9,333 orang murid Sekolah Menengah "ponteng" daripada sejumlah 57,801 orang murid pada satu hari persekolahan adalah tidak benar.

Berdasarkan kepada penyelidikan itu, kenyataan seperti di bawah ini boleh dibuat.

- (1) Peringkat “tidak hadir” yang paling tinggi pada satu hari persekolahan adalah 7,865 iaitu 14% daripada jumlah semua murid Sekolah Menengah di Kelantan.
- (2) Lingkungan “ketidakhadiran” pada jangka masa itu ialah daripada 3,065 (5.3%) sampai 7,865 (14%).
- (3) Inginlah saya tegaskan di sini bahawa angka-angka diatas menunjukkan “ketidakhadiran” di kalangan murid-murid tetapi ia tidak menunjukkan keadaan “ponteng” di Kelantan.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, “ketidakhadiran” bukannya “poteng”. Ketidakhadiran bererti tidak hadir di sekolah kerana sebab-sebab yang tertentu, manakala ponteng pula adalah tidak datang ke sekolah tanpa sebab-sebab yang dapat diterima dan tanpa pengetahuan ibubapa/penjaga. Walau bagaimanapun mungkin kita boleh membuat tangkapan bahawa sebahagian daripada murid-murid itu barangkali telah “ponteng” tetapi penyelidikan itu tidak memberi butir jumlah ponteng.

Daripada penyelidikan berkenaan adalah didapati sebab-sebab “ketidakhadiran” itu ialah seperti berikut:

- (i) Kurang sihat.
- (ii) Kesusahan-kesusahan pengangkutan yang dialami pada sesuatu hari tertentu.
- (iii) Kurangnya kesedaran tentang pentingnya pelajaran di antara sebahagian ibubapa/penjaga yang tidak menggalakkan anak-anak mereka datang ke sekolah secara tetap.
- (iv) Pengaruh satu kumpulan muda-mudi yang samada telah kecikiran atau tidak bekerja.
- (v) Di hari-hari tertentu setengah-tengah murid mungkin tidak hadir kerana menolong ibubapa mereka atau untuk menjaga adik-adik kecil, umpamanya dalam musim menuai.
- (vi) Rendahnya pencapaian akademik dan kurang dorongan (stimulasi) untuk belajar antara setengah murid.
- (vii) Setengah kes, mereka tidak hadir sekolah mereka tidak menyiapkan ker-

jarumah atau tidak membayar yuran sekolah pada tarikh tertentu.

- (viii) setengah kes, cuaca yang buruk pada hari-hari tertentu mungkin menyebabkan setengah murid tidak dapat hadir sekolah.
- (ix) setengah masa perayaan, murid-murid tak hadir.

Tuan Yang di-Pertua: Berapa banyak lagi Yang Berhormat? Tempoh soal-jawab sudah hendak habis. Ada banyak lagi?

Tuan Chan Siang Sun: Ada sedikit lagi.

Sebahagian dari pendekatan-pendekatan yang telah diambil adalah bertujuan bukan sahaja untuk mengurangkan “ketidakhadiran” tetapi juga “ponteng” ini termasuklah:

- (1) Menguat dan membaiki disiplin di sekolah-sekolah Menengah Bantuan Penuh.
- (2) Mendapatkan kerjasama Persatuan Ibubapa-Guru-guru untuk membawa kesedaran kepada ibubapa tentang mustahaknya pendidikan, dan mustahaknya peranan mereka dalam pendidikan anak-anak mereka.
- (3) Penggunaan perkhidmatan Panduan di Sekolah supaya murid-murid yang mempunyai masalah ditolong dan digalakkan untuk menghadiri sekolah secara tetap.

Tuan Yang di-Pertua: Tempoh soal-jawab sudah lebih daripada yang secukupnya pada hari ini. Jika ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak membuat soalan tambahan, sila berhubung dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri di Kementerian.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 dan 20 adalah diberi di bawah ini.)

AKTA PENYELARASAN PERINDUSTRIAN

12. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah beliau sedar bahawa Akta Penyelarasan Perusahaan dan tindakan Kerajaan supaya adanya 30% hingga 50% penyertaan Bumiputra telah menghalang peluang penanam-penanam modal asing dan tempatan.

Jika benar, apakah langkah-langkah yang Kerajaan bercadang ambil untuk memperbaiki keadaan ini.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Saya tidak bersetuju bahawa Akta Penyelarasan Perindustrian dan dasar Kerajaan terhadap penyertaan Bumiputra di bidang perindustrian telah menghalang peluang penanam-penanam modal asing dan tempatan. Sebagaimana yang saya telah jelaskan di Dewan Yang Mulia ini, saya tidak nampak bagaimana Akta Penyelarasan Perindustrian boleh menghalang peluang-peluang pelabur modal. Akta ini telah diadakan bagi faedah dan kepentingan pelabur pelabur modal sendiri. Saya yakin pelabur-pelabur modal tentu menerima baik satu-satu undang-undang yang mempunyai tujuan supaya perkembangan perindustrian di dalam negara berjalan dengan teratur dan baik bagi faedah negara dan mereka sendiri. Di dalam keadaan perkembangan sektor perkilangan yang pesat di masa ini dan di masa tempoh Rancangan Malaysia Ketiga di mana ianya adalah satu daripada sektor yang terpenting, kita perlu mempunyai satu Akta yang boleh menjamin supaya perkembangan di sektor ini berjalan ke arah jalan yang sihat—sihat bagi negara, sihat bagi rakyat dan sihat bagi pelabur-pelaburnya sendiri. Ahli Yang Berhormat dan pelabur-pelabur tentu tidak suka melihat kilang-kilang wujud sewenangnyanya semacam cendawan di merata cerok rantau di dalam negara tanpa sebarang pengawasan mahupun kawalan sebagaimana telah berlaku pada masa lepas di dalam mana hanya kilang-kilang yang memerlukan galakan (incentive) di bawah Akta Galakan 1968 sahaja yang dapat diketahui pembinaan dan perjalanannya. Ini hanya 10% daripada kilang-kilang yang ada di dalam negara. Oleh kerana ini banyak masalah telah berbangkit—seperti masalah kekotoran alam sekitar kita, sungai dan laut dibanjiri oleh kekotoran daripada kilang-kilang, masalah kilang-kilang dibina di kawasan yang tidak sepatutnya diadakan kilang; masalah over production, atau produksi yang berlebih-lebihan oleh kerana terlampau banyak kilang yang mengeluarkan barang-barang yang serupa dibina, masalah pelabur-pelabur tempatan tergesa-gesa mengadakan projek-projek perkilangan dengan tidak mendapat pimpinan, nasihat, panduan penyelarasan ini bukan sahaja dapat me-

nolong kita mengatasi masalah-masalah ini, bahkan akan memberi kesempatan kepada pelabur-pelabur modal yang tertakluk di bawah Akta ini kemudahan-kemudahan dari segi nasihat, pimpinan daripada kerajaan. Maka oleh itu tidak hairanlah saya bahawa semenjak berjalan kuatkuasa undang ini banyak pengilang-pengilang yang dikecualikan daripada kuatkuasa undang-undang ini, di bawah kuasa pengecualian di bawah Akta ini oleh kerana modalnya kurang daripada 250,000 atau yang ada sebab-sebab di mana mereka boleh dikecualikan telah memohon juga supaya mereka diberi kelulusan dan lesen di bawah Akta ini.

Tentang kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa tindakan kerajaan menetapkan penyertaan Bumiputra katanya 30% hingga 50% telah menghalang peluang penanam-penanam modal, suka saya terlebih dahulu menjelaskan bahawa angka penyertaan yang diminta bukan 30% hingga 50% tetapi hanya sekurang-kurang 30% sahaja. Saya juga tidak nampak sebab kenapa dasar penyertaan 30% sekurang-kurangnya oleh Bumiputra telah menghalang peluang pemodal-pemodal. Dasar penyertaan sekurang-kurang 30% Bumiputra di dalam bidang kegiatan ekonomi adalah satu dasar yang saya percaya telah diterima baik oleh semua termasuk pelabur modal samada rakyat tempatan mahupun pelabur dari luar negeri. Dasar ini telah kita jalankan di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Bagi bidang perindustrian khususnya sebelum Akta ini kita telah menentukan sekurang-kurang 30% equiti bagi kaum Bumiputra di bidang perindustrian yang telah diluluskan. Kita telah tidak langsung mengalami masalah di dalam hal ini. Pelabur-pelabur modal yang perlu mendapat incentive dan yang tidak, juga telah tampil kehadapan menawarkan saham 30% ini, dan sebagai kerajaan yang pragmatic dan praktikal, kita telah membenarkan kilang-kilang berkenaan supaya bergerak terus apabila mereka telah mengemukakan bukti-bukti yang memuaskan bahawa mereka telah mencuba mendapati kaum Bumiputra supaya mengambil 30% saham itu tetapi telah tidak berjaya.

Saya percaya penguntukan hanya 30% equiti bagi kaum Bumiputra tidak akan merugikan pelabur-pelabur modal, malahan sebaliknya akan membawa banyak faedah

kepada bukan sahaja negara bahkan juga kepada pelabur-pelabur modalnya sendiri.

MURID-MURID PONTENG SEKOLAH

20. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Pelajaran memberi lapuran kemajuan berkait dengan siasatan yang diarahkan oleh beliau baru-baru ini terhadap hal ponteng di antara murid-murid di Kelantan dimana sebanyak 9,333 orang murid daripada 57,000 murid di Negeri Kelantan didapati tidak hadir di Sekolah setiap hari dan juga nyatakan samada beliau akan mengarahkan supaya diadakan satu siasatan peringkat kebangsaan supaya menentukan kadar ponteng di setiap sekolah di seluruh negara dengan tujuan mencegah phenomena yang tidak sihat ini yang berlaku di antara murid-murid sekolah di negara kita ini.

Tuan Chan Siang Sun: Saya telah memberi jawapan terhadap perkara ini sebentar tadi semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat daripada Bachok. Walau bagaimanapun, ingin saya jelaskan di sini bahawa daripada penyelidikan mengenai “ketidakhadiran” yang telah dibuat oleh Pengarah Pelajaran Kelantan itu adalah didapati bahawa “phenomena” ponteng itu tidak begitu ketara dan oleh sebab itu saya rasa untuk sementara waktu ini tidak perlu di adakan suatu siasatan peringkat nasional. Walaubagaimanapun, Pengarah-pengarah Pelajaran Negeri telah diarahkan untuk melaporkan apa-apa kejadian ponteng ke Kementerian Pelajaran dan jika perlu menjalankan penyelidikan lanjut.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERUNTUKAN DI-RAJA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Peruntukan Di-Raja, 1957; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tak Berpotfolio; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1977

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1977

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (19hb November, 1976).

Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita sampai kepada Kementerian Perusahaan Utama, jumlah wang sebanyak \$17,737,100 untuk Kepala B. 22 menjadi sebahagian daripada Jadual, dan jumlah wang sebanyak \$81,516,020 untuk Kepala P. 22 menjadi sebahagian daripada Perbelanjaan Pembangunan tahun 1977 sekarang ada lah terbuka untuk perbahasan.

Dijemput Yang Berhormat Menteri atau siapa daripada Kementerian untuk mengemukakan Kepala-kepala B. 22 dan P. 22.

Kepala B. 22 (Jadual)

Kepala P. 22 (Anggaran Pembangunan, 1977)—

3.40 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama (Tuan Lew Sip Hon): Tuan Pengerusi, saya mohon izin supaya peruntukan-peruntukan bagi Kementerian Perusahaan Utama iaitu peruntukan Belanja Mengurus sebanyak \$17,737,100 di bawah kepala bekalan B. 22 dijadikan sebahagian daripada Jadual kepada Rang Undang-undang Perbekalan 1977, dan Peruntukan Belanja Pembangunan di bawah kepala Pembangunan P. 22 sebanyak \$81,516,020 diluluskan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, adalah menjadi matlamat penting Kementerian saya untuk berusaha meninggikan pendapatan negara daripada punca eksport bahan-bahan utama dan mencari jalan agar dapat memperbaiki daya pengeluaran dan mutu bahan-bahan utama. Di dalam hal ini ikhtiar-ikhtiar akan terus dijalankan bagi mencari perubahan yang baik dalam sektor pasaran bahan-bahan utama termasuk Rancangan Setok Penimbal Antarabangsa dan lain-lain bentuk aturan pasaran untuk mendapatkan harga bahan-bahan utama yang stabil, menguntungkan dan adil. Di samping ikhtiar-ikhtiar ini usaha-usaha akan terus juga dijalankan untuk memperluaskan, pasaran bahan-bahan utama tradisi dan mencari pasaran-pasaran baru terutamanya di negara-negara yang sedang membangun. Selain daripada ikhtiar untuk memperkembangkan pasaran bahan-bahan utama, Kementerian saya akan terus berusaha untuk mempertingkatkan pengeluaran dan memperbaiki pemasaran hasil pekebun-pekebun kecil supaya pendapatan mereka akan menjadi lebih lumayan dan taraf hidup mereka lebih tinggi. Bagi mencapai matlamat-matlamat yang saya sebut di atas maka Kementerian saya berkehendakkan perbelanjaan peruntukan sebagaimana yang saya sebutkan di atas.

Tuan Pengerusi, sebagai yang kita ketahui kedudukan bahan-bahan utama semakin baik berbanding dengan tahun sudah dengan bersansur pulihnya ekonomi dunia. Harga bagi getah sudah berada di tingkat yang tinggi semenjak bulan Januari tahun ini dan harga bagi bijih timah juga sangat memuaskan semenjak bulan Februari, 1976.

Walaupun demikian, Kementerian saya akan sentiasa mengawasi kedudukan barang-barang ini bukan sahaja di pasaran dunia tetapi juga di pasaran tempatan supaya kita dapat mengesan dan mengambil tindakan yang segera untuk membetulkan apa-apa keadaan yang membawa kerugian kepada Negara kita. Sebagai contoh dalam segi ini, Kementerian saya telah membuat bantahan kepada Kerajaan Amerika Syarikat terhadap cadangannya mengenakan quota bagi memasukkan minyak kelapa sawit ke Amerika Syarikat. Kementerian saya juga sedang mengkaji cadangan Kerajaan Australia untuk menaikkan cukai impot kayu-kayan ke Australia. Cukai ini sudah tentu akan memberi kesan yang kurang menyenangkan

kepada perusahaan kayu-kayan Malaysia dengan membantu usaha-usahanya hendak berkembang.

Selain dari segi pasaran, Kementerian saya juga akan mengambil beberapa tindakan dalam segi pengeluaran dan penyelidikan supaya kita dapat bertanding dan mengembangkan pasaran bahan-bahan utama.

Di dalam mengembangkan atau mengukuhkan pasaran bagi bahan-bahan utama baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama telah melawat ke Negara Republik Rakyat China, dan telahpun mendapat perakuan mereka untuk membeli lebih banyak lagi minyak kelapa sawit dan getah daripada Malaysia. Selain daripada itu, Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama telah mendapat persetujuan daripada mereka supaya tindakan mereka menjual bijih timah tidak akan menjejaskan kedudukan pengeluaran-pengeluar bijih timah yang lain.

Saya sendiri telah mengetuai dua Rombongan Perdagangan Getah tahun ini—yang pertama dalam bulan April iaitu ke negara-negara Asia Barat untuk menilai potensi penggunaan getah di negara-negara yang kaya dengan pengeluaran minyak, dan yang satu lagi pada bulan yang lepas, ke Amerika Syarikat dan Canada untuk menjalin perhubungan yang rapat dengan pengguna-pengguna getah khususnya dengan lima buah Syarikat terbesar yang dikatakan "the Big Five" seperti Goodyear, Goodrich, Uniroyal, Firestone dan General Tire, dan juga untuk meninjau keperluan mereka. Sambutan yang diterima oleh Rombongan Perdagangan Getah tersebut adalah sangat memuaskan dan ini telah memberi pengalaman yang luas terhadap matlamat Kerajaan untuk membangunkan Kuala Lumpur sebagai pusat pemasaran getah antarabangsa yang terbesar, dan juga rancangan Kerajaan untuk menukarkan pusat pasaran (futures commodity exchange) bagi bijih timah, minyak kelapa sawit dan bahan-bahan utama yang lain.

Di dalam usaha-usaha untuk memperkuat lagi kedudukan barang-barang utama, Kementerian saya sentiasa menggalakkan forum-foram Kebangsaan seperti Kongress Kayu-kayan Kebangsaan yang telah diadakan baharu-baharu ini. Tujuan kongress tersebut ialah untuk mengkaji semula kedudukan kayu-kayan di Negara ini

dan mendapatkan cadangan-cadangan terutamanya tentang cara-cara yang patut diambil untuk menjamin pengeluaran hasil perhutanan yang berpanjangan serta mengatasi masalah pemasaran dan penyelidikan penggunaan kayu-kayan. Satu seminar peringkat Kebangsaan akan diadakan pada minggu ini mengenai Perusahaan Tembakau supaya dapat dibincangkan masalah-masalah peladang-peladang, pengawit-pengawit dan pengguna tembakau dengan tujuan meninggikan lagi pendapatan pekebun-pekebun kecil.

Sekarang sukalah saya memberi sedikit sebanyak ulasan mengenai perkembangan empat bahan mentah yang penting dalam tahun 1976 apabila dibandingkan dengan kedudukannya dalam tahun yang lepas, dan juga untuk memberi panduan ke atas prospeknya bagi tahun 1977.

(1) GETAH

Pengeluaran getah terus meningkat jika dibandingkan dengan tahun 1975 kerana sekatan terhadap pengeluarannya telah ditarik balik sejak awal tahun 1976. Jumlah pengeluaran dalam 8 bulan pertama 1976 ini adalah kira-kira 1.06 juta metrik tan. Ini ialah kira 14.7% lebih tinggi daripada masa yang sama dalam tahun 1975. Harga pukul rata bulanan RSS 1 telah naik dari \$1.66 sekilo dalam bulan Januari hingga ke \$2.19 sekilo dalam bulan Jun dan sekarang harga tersebut berada di paras lingkungan \$2.10 sen sekilo. Faktur-faktur yang penting yang menyebabkan harga getah yang baik ini adalah di antaranya cadangan Perjanjian Pengstabilan Harga Getah Asli Antarabangsa oleh Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC); matawang yang tidak setabil khususnya matawang Sterling, maka dengan ini getah asli dibeli untuk simpanan (currency hedge) pemulihan perusahaan membuat kereta di Amerika Syarikat dan ekonomi dunia yang bertambah baik.

(2) BALAK DAN PAPAN GERGAJI

Pengeluaran balak dan papan gergaji di Malaysia telah bertambah masing-masing sebanyak 9.9% dan 34%, di dalam masa 6 bulan tahun ini berbanding dengan masa yang sama tahun sudah. Ini berlaku dengan adanya pemulihan di dalam aktiviti-aktiviti pembangunan dan pembinaan di dalam negara-negara pemaju yang besar seperti Jepun, Persatuan Ekonomi Eropah (E.E.C.), Australia dan Amerika Syarikat.

Tambahan yang besar oleh negara-negara Eropah boleh juga dikatakan kerana pengeluaran daripada negara-negara Afrika telah berkurangan. Selain daripada permintaan daripada luar negeri, permintaan daripada kilang-kilang papan, kilang-kilang papan lapis (plywood) dan veneer dan juga kilang-kilang mengeluarkan bahan-bahan kayu yang lain telah juga bertambah dan ini telah menaikkan lagi harga bagi kayu-kayan. Sekatan ke atas 11 jenis kayu serta lesen yang perlu untuk mengeksport balak lebih daripada 16 inci diameter membolehkan kilang-kilang tempatan mendapat lebih banyak balak dan ini telah meninggikan lagi pengeluaran papan gergaji dan juga bahan-bahan kayu-kayan yang lain.

Harga bagi kayu balak, papan gergaji telah meningkat bagi tahun 1976 jika dibandingkan dengan 1975. Harga FOB bagi balak untuk 1976 ialah kira-kira \$135 satu tan—satu kenaikan harga sebanyak 20.6% daripada tingkatan harga di dalam tahun 1975. Harga bagi papan gergaji dalam tahun 1976 ialah \$400 setan satu kenaikan sebanyak 2.3% daripada tingkatan harga tahun 1975. Harga bagi kayu balak dan papan gergaji ini telah naik dengan cepatnya semenjak awal tahun 1976. Ini ialah akibat daripada permintaan yang lebih daripada luar negeri dan disebabkan oleh kekurangan kayu balak yang dihadapi oleh perusahaan memproses tempatan.

(3) TIMAH

Jumlah pengeluaran timah bagi 9 bulan yang pertama dalam tahun ini ialah 47,753 tan metrik. Ini menunjukkan kejatuhan yang kecil—sebanyak 1.4% jika dibandingkan dengan masa yang sama dalam tahun lalu. Sebab yang besar yang menyebabkan keadaan ini ialah Kawalan Ekspot Timah (Tin Export Control) yang dikenakan oleh Majlis Bijih Timah Antarabangsa sehingga April 1976. Tetapi pengeluaran bulanan bagi masa yang sama hampir-hampir tidak berubah dan adalah kira-kira 5,200 hingga 5,500 tan metrik.

Walau bagaimanapun, harga bulanan pukul rata bagi bijih timah adalah sangat memuaskan semenjak Februari, 1976. Harganya adalah lebih daripada \$1,100 sepikul semenjak 6 bulan yang lalu. Ini disebabkan oleh permintaan yang baik daripada luar negeri bersabit dengan pemulihan ekonomi

di negara-negara yang maju dan setok yang kecil yang dipegangkan oleh Majlis Timah Antarabangsa.

Adalah dijangkakan bahawa permintaan bagi timah dalam tahun 1977 akan bertambah memandangkan kepada berkembangnya aktiviti-aktiviti ekonomi di negara-negara yang lebih maju.

(4) MINYAK KELAPA SAWIT

Pengeluaran minyak kelapa sawit bagi tiap-tiap bulan sehingga bulan Julai (kecuali bagi bulan Mei) dalam tahun ini telah menunjukkan kelebihan daripada pengeluaran bagi bulan yang sama dalam tahun 1975. Jumlah pengeluaran dalam tujuh bulan itu adalah 10.4% lebih tinggi daripada pengeluaran bagi masa yang sama dalam tahun 1975. Ini menunjukkan betapa pesatnya pembangunan perusahaan ini dan memerlukan kawalan yang sesuai supaya kedudukan perusahaan ini tidak terjejas. Bagi maksud ini Kementerian saya berusaha untuk menubuhkan Lembaga Pelesen dan Pendaftaran Minyak Kelapa Sawit (PORLA). Langkah-langkah di dalam penyelidikan penggunaan (end use research) perlu disegera dan dipergiatkan supaya pemasarannya akan lebih terjamin dan nilai tambahan (added value) akan lebih lagi.

Harga minyak kelapa sawit pada umumnya telah terus merosot semenjak Disember, 1974, tetapi masih tinggi jika dibandingkan dengan harganya pada masa sebelum tahun 1973. Pada Disember 1974 harga pukul rata fob "shipment price"nya adalah kira-kira \$1,600 satu tan tetapi selama 8 bulan sejak bulan Januari 1976 ini harganya tidak sampai \$900 setan. Kemerosotan ini adalah akibat daripada bertambahnya pengeluaran minyak dan lemak dan juga kemerosotan ekonomi dunia.

BELANJA MENGURUS

Tuan Pengerusi, belanja mengurus bagi Kementerian saya sebanyak \$17,737,100 di bawah Kepala Bekalan B. 22 bolehlah dipecahkan mengikut aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- (a) Pentadbiran Am dan Perkhidmatan Penyelidikan dan Perancangan sebanyak \$1,118,580.
- (b) Kemajuan Perusahaan Barangan Utama sebanyak \$3,356,690.

(c) Pentadbiran Rancangan-rancangan tanam semula getah Kerajaan sebanyak \$140,000.

(d) Perhutanan sebanyak \$5,079,360.

(e) Galian sebanyak \$2,998,630.

(f) Penyiasatan Kajibumi sebanyak \$5,043,840.

Jumlah belanja mengurus bagi tahun 1977 adalah melebihi peruntukan bagi tahun 1976 sebanyak \$4,942,841. Ini adalah dengan sebab 3 Jabatan iaitu Jabatan Perhutanan, Jabatan Galian dan Jabatan Penyiasatan Kajibumi telah dipindahkan ke bawah Kementerian saya semenjak bulan Mac, 1976. Daripada jumlah besar belanja mengurus bagi tahun 1977 sebanyak 59% iaitu \$10,498,828 adalah diperuntukkan bagi pembayaran emolumen pegawai-pegawai dan kakitangan Kementearian dan Jabatan-jabatan di bawah Kementerian ini sementara 23% ataupun \$4,072,500 akan dibelanjakan untuk perkhidmatan dan bekalan. Yang baki sebanyak \$3,165,772 atau 18% itu adalah perbelanjaan bagi pemilikan modal dan sumbangan kepada badan-badan antarabangsa.

BELANJA PEMBANGUNAN

Tuan Pengerusi, anggaran pembangunan yang diperlukan oleh Kementerian saya pada tahun 1977 ialah sebanyak \$81,516,020. Jumlah ini adalah dikehendaki bagi membiayai rancangan-rancangan pembangunan dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan seperti berikut:

(a) *Rancangan Tanaman Semula Getah Kerajaan*

Peruntukan yang diperlukan bagi menjalankan rancangan penanaman semula/baru getah dalam tahun 1977 ialah sebanyak \$39,465,000. Jumlah ini merupakan pembiayaan Kerajaan sebanyak \$300 seekar bagi rancangan tanam semula getah No. 3, yang akan melibatkan 100,000 ekar bagi penanaman semula getah serta 20,000 ekar bagi penanaman getah secara berkelompok. Manakala yang lebihnya adalah untuk tambahan bantuan sebanyak \$50 seekar kepada rancangan-rancangan yang telah dijalankan dalam tahun 1976, seluas 69,297 ekar.

(b) *Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia (MARDEC)*

Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia, dalam usahanya untuk meningkatkan lagi mutu getah pekebun-pekebun kecil serta memasarkan ke pasaran antarabangsa, akan mendirikan 25 buah kilang bagi memproses getah dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Bagi tahun 1977, peruntukan yang diperlukan ialah sebanyak \$25,605,010. Daripada jumlah ini \$14,030,000 akan digunakan bagi mendirikan 5 buah kilang-kilang baru S.M.R. \$1,125,000 bagi mengubahsuai kilang-kilang yang sedia ada; \$450,000 untuk latihan dan bakinya sebanyak \$10,000,000 merupakan modal pusingan. Peruntukan tanda (token) sebanyak \$10 juga diperlukan bagi tujuan projek usahasama perusahaan.

(c) *Rancangan Penanaman Semula Nenas*

Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu, memerlukan peruntukan sebanyak \$2,996,000 dalam tahun 1977 bagi menjalankan projek-projek menanam semula nenas ke atas kawasan seluas 3,000 ekar. Projek-projek lain termasuklah pengangkutan dan pemasaran buah nenas serta projek perusahaan menggedr buah-buah nenas di ladang.

(d) *Lembaga Tembakau Negara*

Dalam tahun 1977 sejumlah \$2,643,000 adalah diperlukan oleh Lembaga Tembakau Negara. Antara projek-projek yang akan dijalankan ialah pembinaan pejabat-pejabat cawangan Lembaga, penubuhan pusat-pusat pemasaran, percubaan dan latihan. Pusat-pusat ini akan dilengkapi dengan makmal-makmal untuk menganalisis mutu daun tembakau kering.

(e) *Penanaman Semula Getah Sarawak dan Sabah*

Bagi negeri Sarawak, sebanyak \$975,000 akan dibelanjakan di dalam tahun 1977 bagi membiayai penanaman semula getah seluas 4,500 ekar yang dilaksanakan pada tahun 1976. Seluas 7,500 ekar tanah lagi akan terlibat dengan penanaman semula/baru getah

dalam tahun 1977. Manakala peruntukan yang diperlukan di negeri Sabah pada tahun 1977 ialah sebanyak \$2,100,000 bagi tujuan yang sama.

(f) *Perhutanan*

Bagi memajukan sektor perhutanan, Kementerian saya memerlukan peruntukan sebanyak \$6,433,600 dalam tahun 1977. Daripada jumlah ini \$5,093,000 akan dibelanjakan di Semenanjung Malaysia dan bakinya sebanyak \$1,340,000 adalah untuk negeri Sarawak. Antara projek-projek yang akan dijalankan ialah penyelidikan-penyelidikan ke atas pembangunan kayu, kimia kayu, pengeluaran, perlindungan kayu dan juga pembinaan jalan hutan serta kemudahan-kemudahan pelajaran dan latihan.

(g) *Penyiasatan Kajibumi*

Jumlah peruntukan yang diperlukan bagi tahun 1977 ialah \$779,010. Pecahan jumlah adalah seperti berikut:

- (i) \$434,000 bagi Semenanjung Malaysia
- (ii) \$145,010 bagi Sarawak
- (iii) \$200,000 bagi Sabah.

Kerja-kerja yang akan dijalankan termasuklah penyiasatan kaji punca air bumi, siasatan lanjutan terhadap bijih besi di Sarawak, dan pembekalan alat-alat meneroka galian serta pembinaan Ibu Pejabat baru di Sarawak dan Sabah.

(h) *Galian*

Kerja-kerja pembangunan yang akan dijalankan oleh Jabatan Galian dalam tahun 1977 ialah penilaian bijih timah dalam kawasan rezab Melayu dan juga penubuhan makmal geoteknik di Ipoh. Peruntukan yang diperlukan ialah \$520,000; \$440,000 bagi penubuhan makmal geoteknik dan \$80,000 bagi penilaian di kawasan rezab Melayu. Cawangan Gerudi menyiasat galian akan memainkan peranan yang penting dalam hal penilaian bijih timah di kawasan rezab Melayu sejajar dengan dasar menggalak penyertaan bumiputra dalam lapangan perlombongan.

Tuan Pengerusi, saya mohon peruntukan belanja mengurus bagi tahun 1977 bagi Kementerian saya sebanyak

\$17,737,100 dijadikan sebahagian daripada Jadual kepada Rang Undang-undang Perbekalan 1977, dan peruntukan perbelanjaan pembangunan bagi tahun 1977 sebanyak \$81,516,000 diluluskan.

4.04 *ptg.*

Tuan Edwin anak Tangkun (Batang Lupar): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyentuh sedikit mengenai wang yang diperuntukkan dalam Kepala P. 22 diminta oleh Kementerian Perusahaan Utama, pecahan-kepala 15 Penanaman Semula Getah Sarawak. Tuan Pengerusi, mengikut Lapuran Kertas Perintah Belanjawan Tahun 1977 wang yang diperuntukkan kepada Sarawak pada tahun 1976 sebanyak \$1,033,000 dan dalam tahun 1977 wang diperuntukkan cuma \$975,000 sahaja, ini berbanding dengan tahun 1976 sudah kurang \$58,000 dan saya khuatir, Tuan Pengerusi, kerana ada sungutan-sungutan didapati daripada rakyat khususnya dari rakyat yang tinggal jauh dari Jabatan berkenaan. Semasa mesyuarat yang lepas saya ada memberi pandangan-pandangan dalam Dewan yang mulia ini dan petang ini dengan izin sekali lagi ulangkan ucapan saya supaya dapat diambil perhatian oleh Menteri yang bertanggungjawab

Tuan Pengerusi: Ucapan yang sama tak payah diulangkan lagi.

Tuan Edwin anak Tangkun: Tidak, Tuan Pengerusi, tetapi ini ada berselisih sedikit. Tuan Pengerusi, berkenaan dengan penanaman semula getah di Sarawak saya fikir adalah sangat penting oleh kerana banyak ahli-ahli pekebun-pekebun kecil ini yang menyampaikan kesusahan mereka kepada saya iaitu berkaitan dengan permintaan mereka itu pernah ditolak oleh Jabatan berkenaan. Kita tahu kadang-kadang mereka marah dengan tidak sabar sedikit kepada pegawai-pegawai Kerajaan. Oleh yang demikian, pekebun-pekebun kecil itu patutlah diberi bantuan subsidi dengan sepenuhnya. Subsidi menanam semula getah memang sudah ada, Tuan Pengerusi, tetapi kalau tak salah saya sebanyak \$600 hingga \$750 bantuan pada satu-satu ekar, ini termasuk transport, pokok-pokok getah yang baik, som-som dan racun. Pada fikiran saya bantuan sebanyak \$600 hingga \$750 pada

satu ekar ini memang tidak mencukupi kerana transportation ini adalah menelan belanja yang begitu besar kerana banyak penduduk-penduduk yang tinggal di luar bandar belum ada jalanraya. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Menteri Perusahaan Utama agar dapat menimbangkan bantuan wang dengan lebih banyak lagi dalam tahun-tahun yang akan datang.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, bila penanaman semula getah terbuka kepada orang ramai, Kerajaan patut memberi notis kepada rakyat dengan tempoh yang panjang, kerana masa yang sudah lepas notis dua atau tiga bulan tidak memuaskan. Banyak pekebun-pekebun kecil yang tinggal di luar bandar tidak mengetahui perkara ini. Pernah permintaan mereka itu tidak dapat diberi kebenaran oleh kerana permintaan itu lambat dihantar kepada pejabat yang berkenaan. Juga pengumuman patutlah disiarkan dalam radio atau segera surat-surat pemberitahu itu dihantar kepada ketua-ketua kampung, penghulu-penghulu dan Councillors, supaya siapa yang suka menanam semula getah ini dapat dengan cepat mengambil form permintaan dari pejabat yang berdekatan. Juga didapati banyak pekebun-pekebun kecil datang dari luar bandar masih lagi bimbang oleh kerana permintaan mereka itu tidak dapat kebenaran oleh kerana pokok-pokok getah ini masih lagi dapat mengeluarkan hasil. Tetapi pada fikiran saya, Tuan Pengerusi, walaupun pokok-pokok itu masih dapat mengeluarkan hasil, kita tahu bila pokok getah itu sudah hampir berpuluh-puluh tahun, ini sangat tua dan diketahui susunya pun sudah mungkin menjadi kurang. Pokok yang lama ini patutlah ditukar dengan pokok getah yang baik supaya dapat menambah hasil lebih banyak lagi dalam tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh Pecahan-kepala 76 berkaitan dengan Bangunan Pejabat Baru di Sarawak. Saya berasa gembira dan mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan kerana Kementerian ini dapat memberi layanan yang begitu baik kepada kami di Sarawak dan juga bangunan-bangunan pejabat baru itu tinggi dan dicat dengan bercorak bermacam warna. Ini boleh jadi satu contoh, mencerminkan Kerajaan Malaysia agak betul-betul dapat melaksanakan bangunan-bangunan yang moden. Sungguhpun Kerajaan sudah banyak mendirikan pejabat baru

di seluruh bahagian di Sarawak, pada fikiran saya rumah-rumah untuk pegawai-pegawai yang berpangkat rendah seperti Pegawai Divisyen III atau IV patutlah ditambah dengan banyak lagi. Berkaitan dengan rumah-rumah pegawai itu saya sudah diberitahu banyak pegawai-pegawai Divisyen III dan IV di seluruh daerah di Sarawak tidak mencukupi rumah dan mereka itu terpaksa duduk menyewa rumah orang yang kaya dan gaji mereka itu separuh untuk sewa rumah. Oleh yang demikian, saya berharap kepada Menteri yang bertanggungjawab dapat mengambil perhatian dengan segera.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi mengenai Pecahan-kepala 78 muka surat 135—Penyiasatan Lanjutan Terhadap Bijih Besi. Saya sokong dengan penuh walaupun wang yang diperuntukkan hanya sebanyak \$20,000 sahaja pada satu tahun. Pada pandangan saya peruntukan ini patutlah diperbesarkan supaya Kerajaan Pusat ataupun Kerajaan Negeri dapat menambahkan kakitangan-kakitangan yang menjalankan penyiasatan di negara ini, ataupun mengambil pakar penyelidikan tertentu daripada luar negeri jika perlu. Berhubung dengan penyiasatan terhadap bijih besi, bijih timah dan sebagainya amatlah perlu, kerana jika hak-hak atau hasil-hasil bumi di negeri Sarawak sudah diketahui, Kerajaan Pusat bersama-sama dengan Kerajaan Negeri mungkin dapat menubuhkan banyak lagi kilang-kilang. Ini satu langkah yang patut diperbesarkan kerana ia dapat memulihkan penerimaan pekerja-pekerja di negara ini. Kita didapati beribu-ribu murid lepasan sekolah pada tiap-tiap tahun dan jika mereka tidak dapat pekerjaan propaganda komunis mungkin berterusan. Perkara ini sangat penting, Tuan Pengerusi, Kerajaan patutlah mengambil perhatian berat supaya propaganda komunis di Sarawak dapat dihapuskan. Sungutan anak-anak kita memang sudah ada berlaku dan ditambah pula dengan sungutan-sungutan ibubapa-ibubapa yang sudah membuang belanja yang begitu besar kepada anak-anak mereka. Perkara seperti ini patutlah diambil perhatian oleh Kementerian yang bertanggungjawab supaya Kerajaan kita dapat menubuhkan kilang-kilang besi, timah, emas dan sebagainya. Ini satu senjata yang besar yang dapat Kerajaan Barisan Nasional melawan propaganda Komunis di negara ini. Saya berharap peruntukan yang dikehendaki

oleh Menteri Perusahaan Utama agar dapat diperbesarkan dengan sepenuh-penuhnya.

4.13 *ptg.*

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop (Padang Rengas): Tuan Pengerusi, di bawah Kepala B. 22 dan P. 22 saya ambil peluang ini mengemukakan beberapa pandangan berkenaan dengan kegiatan Kementerian yang berkenaan berkaitan dengan getah, khasnya bantuan dan pimpinan yang mungkin diberi kepada pekebun-pekebun kecil dalam segi pengeluaran, penanaman semula, processing dan pemasaran. Saya telah tegaskan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa dalam tempoh Rancangan Malaysia Yang Ketiga ini penting sekali penduduk-penduduk negara di kawasan luar bandar mengecapi kemudahan sebuah negara yang maju dan moden, tetapi yang lebih penting lagi mencapai pendapatan dan dengan itu darjah hidup yang lebih tinggi. Inilah perkara yang sering disuarakan oleh mereka sekarang ini. Sebagai Tuan Pengerusi sedia maklum golongan yang besar dari mereka bergantung kepada getah untuk persaraan hidup. Bila naik harga getah mereka senang dan jikalau meleset harga getah melesetlah kedudukan mereka kerana peluang mencari nafkah tidak begitu banyak seperti rakan-rakan mereka yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar dan dekat bandar.

Pekebun-pekebun kecil dalam negeri ini dan keluarga mereka berjumlah lebih daripada setengah juta orang dan beratus-ratus ribu lagi pula penoreh getah dan pekerja-pekerja yang bergantung kepada getah untuk kehidupan mereka dan keluarga mereka. Oleh itu, Tuan Pengerusi, kejayaan atau sebaliknya kegagalan kegiatan-kegiatan Kementerian ini berkaitan dengan hal-ehwal getah dan juga agensi-agensi yang telah ditubuhkan olehnya seperti RISDA, MARDEC, Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah Malaysia besar akibatnya kepada ekonomi dan kehidupan orang-orang kita di luar bandar.

Tuan Pengerusi, RISDA telah ditubuhkan dalam bulan Januari, 1973 dan telah ditugaskan mengambil alih kuasa-kuasa dan urusan-urusan yang dahulunya dikelolakan oleh Lembaga Perusahaan Getah Tanam Semula. Kita bangga mengetahui bahawa satu daripada langkah-langkah permulaan yang telah

diambil oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ialah membersihkan jentera yang baharu ini kerana RISDA telah banyak menerima pesaka penyelewengan dan kejadian-kejadian yang tidak diinginkan. Yang Berhormat Menteri telah meminta pihak Biro Siasatan Negara menumpukan siasatan-siasatan dan bertindak dengan penuh kebebasan atas sesiapa juga yang mungkin ada bukti telah menyeleweng. Kita mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri dan kita berharap dan percaya Yang Berhormat Menteri akan meneruskan tindakan ini kerana agensi-agensi seperti RISDA ini perlu diberi kepercayaan yang penuh dan penerimaan yang baik oleh rakyat dan pekebun-pekebun kecil sebagai salah satu pemimpin dan pembela ekonomi mereka. Lebih-lebih lagi oleh kerana sebarang penyelewengan oleh kakitangan RISDA tidak nampak akibatnya dengan sertamerta dan akan hanya dapat dibuktikan selepas berjalan beberapa tahun. Tuan Pengerusi, saya juga mengambil peluang ini meminta Kementerian yang berkenaan menitikberatkan lagi penglibatan pekebun-pekebun kecil dalam segala segi aktiviti-aktiviti berkaitan dengan getah, daripada penanaman dan pengeluaran hingga kepada pemasaran. Ini akan membantu menjamin bahawa dalam perusahaan yang terpenting ini mereka akan dapat peluang bersuara bukannya dalam segi penanaman dan pengeluaran sahaja, sebaliknya dengan penglibatan ini kesulitan-kesulitan yang dihadapi dalam segi pemasaran yang boleh menurun dan menaikkan harga getah dengan sekejap sahaja akan difahami oleh mereka walaupun tidak secara mendalam tetapi tidaklah cuma menjadi desas-desus yang menimbulkan keraguan dan perasaan tidak puas hati bahawa Kerajaan dan Kementerian yang berkenaan tidak sebenarnya membela untung nasib mereka. Pekebun kecil sekarang boleh dilibatkan dalam segala aspek daya-usaha berkenaan dengan getah dengan memberi sumbangan yang berkesan sebab ada persatuan-persatuan mereka lebih-lebih lagi melalui Persatuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil Malaysia, suatu Badan tunggal yang baharu ditubuhkan yang boleh mewakili pekebun-pekebun kecil seluruh Malaysia. Wakil-wakil persatuan-persatuan pekebun kecil ini memang telah mengambil peranan bukan sahaja dalam perundingan-perundingan tempatan tetapi juga di kalangan antara bangsa, yang dikehendaki dan yang

diharap ialah supaya suara mereka dan pandangan-pandangan yang mereka kemukakan diberi keutamaan kerana mereka mewakili golongan rakyat di luar bandar yang bergantung kepada getah untuk kehidupannya dan yang sering menjadi mangsa turun-naik harga getah yang liar dan tidak dapat dikawali.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang selalu dirungutkan oleh orang-orang luar bandar ialah berkenaan dengan gred yang ditentukan oleh pembeli-pembeli kepada getah yang mereka jual. Dengan pimpinan dan bantuan yang diberi melalui RISDA dan agensi-agensi lain, mereka mungkin boleh mengadakan getah keping atau getah sekerap yang baik mutunya, jikalau pun tidak gred satu sekurang-gred dua. Yang dikehendaki ialah ada satu cara yang tertentu dibuat untuk menjamin supaya getah jualan mereka diberi gred yang sebenarnya dengan harga yang berpatutan. Jikalau hanya dipulangkan kepada pembeli-pembeli yang memerlukan untung untuk menentukan gred getah mereka, mereka sentiasa ragu-ragu dan tidak puas hati. Dengan itu mungkin tumpul incentive hendak memperbaiki mutu getah mereka dan menerima susah mereka sebenarnya nasihat dan pimpinan pegawai-pegawai RISDA dan Kementerian dalam hal ini.

Saya telah diberi faham bahawa dengan bantuan dan pimpinan agensi-agensi tersebut pekebun-pekebun kecil sekarang boleh mengadakan getah gred satu lebih-lebih lagi getah gred dua. Oleh itu perlu sekali langkah diambil untuk menjaga kedudukan mereka dalam hal ini, bukan sahaja untuk menjamin supaya mereka diberi harga yang sepatutnya, tetapi juga supaya mereka digalakkan sentiasa menyediakan getah yang tinggi mutunya dan ada incentive untuk berbuat demikian.

Tuan Pengerusi, satu lagi soal yang dibangkitkan oleh pekebun-pekebun kecil ialah soal lesen untuk menoreh dan menjual getah bagi pekebun-pekebun kecil. Saya diberi tahu mereka tidak puas hati dengan adanya lesen ini dan telah meminta Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah Malaysia menimbang semula hal ini. Saya faham harga lesen ini cuma \$2 setahun, oleh itu jikalau betul pekebun-pekebun kecil dan persatuan-persatuan mereka menentang dan telah minta dihapuskan lesen ini, saya syorkan kepada

Lembaga dan Kementerian yang berkenaan memberi timbangan yang serius untuk mem-persetujui permohonan mereka. Boleh jadi tujuan lesen ini ialah untuk menutup peluang orang-orang menjual getah curi dan sebagainya dan bukan untuk mendapat cukai lebih dari orang ramai. Tetapi untuk mengatasi masalah getah curi ini tentulah ada jalan lain yang lebih positif, dan kepada saya, bijak dan baik. Jikalau permohonan pekebun-pekebun kecil ini dipersetujui dengan itu hapus sebarang perasaan tidak puas hati di kalangan mereka dalam hal ini.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya harap pandangan-pandangan yang saya beri ini diambil perhatian oleh Kementerian dan pegawai-pegawai yang berkenaan dalam Kementerian seperti RISDA, MARDEC dan badan-badan yang lain yang tugasnya berkaitan dengan getah dan pekebun-pekebun kecil. Kepada pekebun-pekebun kecil khususnya, penduduk-penduduk luar bandar amnya, perkara-perkara yang saya sebutkan tadi adalah penting untuk masa hadapan mereka.

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pun telah menegaskan perkara ini dalam ucapan nya baru-baru ini tadi yang rakyat berkehendakkan ialah perlaksanaan yang sebenarnya dan memuaskan hati serta memberi keutamaan kepada kedudukan mereka. Di dalam lapisan masyarakat yang bertugas dalam aktiviti getah, merekalah lebih terancam bila harga turun dan pasaran getah meleset, kerana pendapatan mereka rendah dan kebanyakannya kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang. Saya berharap Kementerian yang berkenaan seperti yang dijanjikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi akan memberi layanan yang lebih dan terutama kepada pekebun-pekebun kecil dalam masa Rancangan Malaysia Ketiga ini, dengan harapan bila menjelang tahun 1980 kelak, pekebun-pekebun kecil akan menjadi golongan masyarakat di luar bandar yang lebih tinggi darjah hidupnya, kebun-kebunnya diawasi dan dikelola secara moden dan mereka menjadi golongan yang dinamis dan sedia menerima cara-cara baru yang mungkin memberi kepada mereka faedah-faedah yang lebih lumayan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi.

Tuan Pengerusi, saya menyokong.

4.26 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala Pembangunan P. 22—Kementerian Perusahaan Utama, Pecahan-kepala I—muka surat 133 Rancangan Tanam Semula Getah Rancangan 1, 2 dan 3, peruntukan sebanyak \$39,465,000.

Rancangan Tanam Semula ini memberi satu peruntukan yang besar. Ia hendaklah diawasi dengan begitu rapi supaya kejadian yang tidak diinginkan seperti kecurangan dan penyelewengan yang berlaku baharu-baharu ini tidak akan berulang lagi. Kawalan dan penyeliaan ke atas pegawai-pegawai yang melakukan penyelewengan tersebut hendaklah dibentasi atau diambil tindakan segera supaya perkara curang dapat diatasi. Kita berkehendakan bahawa tiap-tiap sen yang dikeluarkan, hendaklah digunakan dengan sepenuhnya supaya faedahnya didapati dan dinikmati oleh rakyat.

Pernah berlaku kelambatan memberi peruntukan ini kepada penanam-penanam semula. Ini menyebabkan kegelisahan mereka. Dengan sebab itu, mereka yang mencuaikan tugasnya terhadap penanam semula ini hendaklah diberhentikan dari bermaharajalela. Soal memberi baja umpamanya, boleh dilambat-lambatkan sedangkan pada hakikatnya baja tidak berkurangan di dalam stok untuk diberi kepada mereka. Rakyat yang tidak tahu akan hal ini, akan menyalahkan Kerajaan. Ini dengan mudah boleh memburukkan nama Kerajaan kita.

Tuan Pengerusi, Pecahan-kepala 3 Rancangan Penanam Semula Nenas, peruntukan sebanyak \$2,996,000.

Kita sedia maklum bahawa nenas merupakan satu daripada sumber eksport kita ke luar negeri. Rancangan bantuan ini adalah satu rancangan yang bagus untuk memberi kemudahan kepada penanamnya. Adalah diharapkan bahawa selain daripada penyeliaan yang rapi terhadap penanam-penanam itu, kerajaan hendaklah memastikan bahawa pasaran nenas ini mendapat harga yang berpatutan supaya ianya tidak menyusahkan rakyat di mana pada suatu ketika apabila buah-buah nenas terlalu banyak, maka pasarannya tidak ada. Ada kalanya ia tidak

dapat dijual dan kadang-kadang busuk begitu sahaja. Dengan yang demikian, saya berharap kawalan mutu nenas, hendaklah sentiasa dijaga, bukan sahaja untuk diekspot, bahkan untuk jualan di dalam negeri sendiri. Ini dapat melariskan jualannya sebagai buah-buah tempatan yang bermutu tinggi.

Tuan Pengerusi, Pecahan-kepala 4—Lembaga Tembakau Negara, peruntukan sebanyak \$2,643,000.

Tanaman tembakau mendapat perhatian di luar bandar sebagai tanaman berselang. Tanaman ini walaupun bermusim, ia mendapat pasaran yang baik. Hakikat ini nyata bahawa penanam tembakau mendapat harga yang berpatutan. Kita hendaklah menggalakkan usaha-usaha ini agar penanaman tembakau ini tidak semata-mata bergantung kepada tanaman itu sahaja, malah selain daripada tanaman padi, ia boleh menanam tanaman berselang yang lain untuk menambahkan pendapatannya. Tembakau mendapat pasaran yang baik. Dari itu, galakan hendaklah diberi kepada mereka supaya penanam tembakau melipat gandakan usaha-usaha mereka hari ini.

Tuan Pengerusi, Pecahan-kepala 29 muka surat 134—Penyelidikan Kimia Kayu, peruntukan sebanyak \$882,500 dan Pecahan-kepala 30—Penyelidikan Kearah Pengeksporan, peruntukan sebanyak \$1,200,000.

Kita tahu bahawa industri timber adalah satu industri yang menggalakkan sekarang ini selepas kemelesetan ekonomi dunia tahun 1975. Pada tahun 1974 kita mendapat tukaran luar (foreign exchange) sebanyak \$1,625.3 million berbanding dengan \$1,274.5 million pada tahun 1975. Dalam satu seminar yang diadakan di Kuala Lumpur baharu-baharu ini, gambaran yang didapati bahawa timber memainkan peranan utama hasil kayu-kayan negara kita. Harga di pasaran masih meningkat. Ini menunjukkan hasil timber akan bertambah baik.

Dalam mengekspot timber kita keluar negeri, kita hendaklah ingat bahawa kayu yang diekspotkan itu seboleh-bolehnya diproses di dalam negeri kita terlebih dahulu. Selepas itu baharulah diekspotkan keluar negeri. Pada satu ketika dahulu, Tuan Pengerusi, getah asli kita diekspot keluar negeri. Kemudian diproses dan dijual semula

di negeri ini dengan harga yang lebih mahal disebabkan kepandaian kepakarannya (technical know-how). Sebaliknya, gred kayu yang dipasarkan keluar negeri, hendaklah diproses terlebih dahulu di dalam negeri kita. Factory memproses ini hendaklah dilakukan oleh negeri kita sendiri. Dengan ini, kita hanya menjual kayu yang telah diproses mengikut gred.

Tuan Pengerusi, oleh kerana perusahaan kayu mendapat tukaran luar negeri yang tinggi, saya berharap ia akan beroleh lebih maju lagi dari setahun ke setahun. Galakan juga hendaklah diberi kepada pengusaha bumiputra dalam bidang kayu. Angka-angka menunjukkan bahawa pengusaha-pengusaha bumiputra tersangat kurang dalam bidang ini. Galakan dari Kerajaan adalah perlu dalam membanyakkan penyertaan mereka.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja dan saya menyokong peruntukan Kementerian Perusahaan Utama.

4.34 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan Kementerian Perusahaan Utama, Kepala B. 22, muka surat 133 berkenaan dengan Rancangan Tanam Semula Getah.

Sebagaimana yang telah disebutkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat tadi berkenaan dengan Tanam Semula Getah, maka saya ingin menyebut juga berkait dengan hal ini di mana ini melibatkan sebahagian besar pekebun-pekebun kecil. Saya ingin menyatakan bahawa penanaman semula getah ini sangat kurang memuaskan kerana saya tahu kalau penanam getah perseorangan boleh dikatakan sebahagian besarnya tidak begitu berjaya dengan sebab penyeliaannya tidak begitu baik.

Yang kedua, apakala diserahkan kepada kumpulan ataupun tanaman kelompok yang dikendalikan oleh RISDA sendiri, saya nampak sekarang inipun masih belum berjaya lagi. Saya cadangkan supaya pihak Kementerian berkenaan melalui RISDA menubuhkan satu Perbadanan untuk mencantumkan pekebun-pekebun kecil yang ada mempunyai getah 6 ekar, 5 ekar ini dijadikan satu Perbadanan dan diadakan satu estet sendiri supaya mereka yang mempunyai

getah itu dapat bekerja dengan Perbadanan yang ditubuhkan oleh Kerajaan ini. Sekarang kita dapati mereka ini banyak membuat kerja sendiri dan kalau ada Perbadanan Kerajaan membuka ladang-ladang di kawasan-kawasan yang baru, maka mereka pun berpindah ke situ dan tinggallah kawasan-kawasan yang lama itu terbiar begitu sahaja. Misalnya sekarang ini di Negeri Trengganu, walaupun ada rancangan tanam semula tetapi pekebun-pekebun kecil lari juga pergi ke estet, pergi keluar daerah, keluar negeri untuk mencari kerja kerana tanaman semula mereka tidak begitu berjaya. Tuan Pengerusi, saya rasa kalau pihak Perbadanan Kerajaan dapat mengendalikan tanam semula ini melalui satu rancangan atau satu skim bagaimana saya cadangkan itu, Insya Allah mereka akan berjaya sebagaimana berjayanya rancangan-rancangan lain.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, kalau kita biarkan dengan keadaan sekarang mungkin kita dapat mewujudkan estet-estet yang besar yang dikendalikan oleh Kerajaan tetapi kita tinggalkan kampung-kampung yang mempunyai getah-getah sedikit, tiga ekar, empat ekar, mereka lari, mereka pergi ke estet-estet kerana di sana ada kemudahan, ada rumah, ada dapat gaji \$4.00-\$5.50 sehari. Kalau dia kerja sendiri dengan kebun mereka sendiri sudah tentu tidak akan berjaya. Jadi ini cadangan saya supaya Kerajaan mengkaji untuk memajukan dengan cara besar-besaran di atas kebun-kebun kecil yang lama ini.

Selain daripada itu, saya nampak banyak kilang-kilang M.R.D.C. yang akan ditubuhkan pada Rancangan Malaysia Yang Ketiga ini. Saya minta supaya didirikan di kawasan saya juga iaitu di daerah Ulu Dungun kerana di sana pun banyak juga getah-getah termasuk Perbadanan Kerajaan sendiri. Ini untuk mengelakkan penghijrahan orang-orang di kampung ke Singapura dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh berkenaan dengan rancangan kelompok yang saya tidak tahu bagaimana sudahnya sekarang. Sekarang ini nampaknya bantuan yang pertama telah diambil oleh pemborong yang pertama dan di setengah-setengah

rancangan itu bantuan yang kedua telah diambil. Jadi kawasan yang diserahkan kepada kontraktor itu tinggal begitu sahaja. Siapa-pula yang akan mengendalikan untuk memajukan rancangan kelompok yang ditinggalkan oleh kontraktor yang terlibat dengan kes bermacam-macam, sebagaimana yang kita dengar ada setengahnya didakwa dan sebagainya. Jadi saya minta perhatian daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen supaya rancangan kelompok ini biarlah benar-benar berjaya supaya jangan orang kata RISDA lepas tangan sahaja.

Saya menyentuh sedikit berkaitan dengan Pecahan-kepala 35, muka surat 134, Penyelidikan dan Pembangunan Kayu. Saya dengar Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan tadi berkenaan dengan rancangan-rancangan penyelidikan kayu yang akan dijalankan pada masa akan datang dengan lebih baik. Saya bersetuju sangatlah dengan rancangan-rancangan yang dicadangkan itu. Cuma saya hendak sebut satu perkara, agaknya pihak Kementerian terlupa ataupun tidak sedar bagaimana kita membazirkan wang kita sendiri. Cuba kita tengok di kilang-kilang papan, mereka bakar kayu, kayu yang kecil-kecil kayu reja itu dibakar sahaja. Di tiap-tiap kilang papan mereka bakar padahal kayu-kayu ini boleh dibuat chip-board, boleh dibuat macam-macam lagi, boleh diproses. Kenapa pihak Kementerian tidak menggalakkan penubuhan ini ataupun membuat syarat supaya pihak pengilang-pengilang papan tidak boleh bakar kayu ini, saya tahu chip-board memang mahal betul kalau boleh diproses. Kalau tiap-tiap negeri misalnya di Trengganu, Kelantan, Pahang dan manamana negeri lain ada satu kilang chip-board yang dikendalikan oleh Kementerian dengan cara joint-venture dan sebagainya sudah tentu kita akan dapat mengeluarkan hasil-hasil yang banyak. Saya tahu sekarang di Malaysia kalau tidak salah ada satu ataupun ada dua sahaja kilang chip-board ini. Saya cadangkan supaya galakan ini diperluaskan ataupun biarlah dipelopori oleh Kementerian sendiri. Ini pandangan saya. Saya tidak tahu kalau dihitung panjang bermillion-million, sebab satu-satu hari tiap-tiap kilang papan itu membakar berpuluh-puluh tan serpihan-serpihan kayu atau baki-baki kayu yang dibuat papan untuk diekspot keluar negeri. Jadi kalau sekiranya tiap-tiap satu kilang papan itu boleh membakar tiga tan satu hari, seluruh Malaysia banyak mana?

Jadi perhatian ini saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ambil agar wang kita tidak rugi begitu sahaja.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Pecahan-kepala 78 Penyasatan Lanjutan Terhadap Bijih Besi. Saya nampak pihak Kerajaan ada membuat penyelidikan di Sarawak untuk mencari bijih besi. Tetapi sepatutnya pihak Kementerian balik kebelakang sedikit iaitu besi Dungun Trengganu dan di Bukit Ibam, Pahang—di sana setahu saya bijih besi ini banyak lagi. Masaalahnya ialah kompeni yang menutup perniagaan ini dulu kerana ada hal-hal yang lain, seperti masaalah income tax, masaalah buruh dan sebagainya. Bukan bijih tidak ada—ada. Tetapi apa yang saya tahu, cuma masaalah-masaalah kompeni ini ialah kerana mereka datang dari luar negeri mungkin taat setianya kepada negeri ini kurang sedikit dan bila mereka tidak dapat untung banyak maka mereka tutup syarikat mereka. Sebaliknya pihak Kerajaan hendaklah mengkaji hal ini supaya kalau boleh pada masa yang akan datang kita buka perusahaan ini walaupun tidak untung besar sedikit pun cukuplah. Tuan Pengerusi.

Itulah pandangan-pandangan saya supaya dapat kita memikirkan untuk kepentingan negara kita berkenaan dengan Kementerian ini.

4.42 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Saya bangun untuk membahaskan Anggaran Kementerian Perusahaan Utama dan saya hanya mahu berucap di atas satu perkara sahaja iaitu mengenai muka surat 125, Aktiviti (3)—Pentadbiran Rancangan Tanaman Semula Getah Kerajaan.

Tuan Pengerusi, mengikut Buku Anggaran Belanjawan, tujuan pentadbiran rancangan-rancangan Kerajaan untuk tanam semula getah ialah untuk menggalakkan penanaman semula getah dan lain-lain tanaman yang diakui di kebun-kebun kecil, mengeluarkan dan membekalkan bahan-bahan kepada pekebun-pekebun kecil dan menggalakkan kemajuan pekebun-pekebun kecil melalui persatuan mereka. Jadi, berhabib berkenaan dengan pekebun-pekebun kecil getah kepada kita memanglah rancangan tanaman semula dengan benih-benih bermutu tinggi adalah

satu jalan yang baik untuk mengurangkan kemiskinan mereka. Tetapi dalam melaksanakan rancangan itu, perhatian berat haruslah diberi kepada syarat-syarat yang hendak diikuti oleh mereka sebelum mereka boleh mendapatkan bantuan itu. Adalah mustahak syarat-syarat itu mestilah tidak begitu sukar untuk diikuti oleh mereka kerana jika mereka tidak dapat memenuhi syarat-syarat itu bermakna mereka tidak akan dapat bantuan-bantuan itu dan tujuan rancangan tanam semula itu dengan sendirinya akan terjejas. Ini sudah ternyata pada masa ini kerana kebanyakan daripada bantuan-bantuan tanaman semula getah pun diberi kepada mereka yang mempunyai ladang-ladang getah yang agak luas sedangkan mereka yang mempunyai ladang di antara dua hingga enam ekar masih belum dapat bantuan itu.

Tuan Pengerusi, mengenai pekebun-pekebun kecil getah ini, saya ingin mengesyorkan bahawa pihak RISDA haruslah menjalankan satu rancangan yang besar untuk menolong pekebun-pekebun kecil yang mempunyai bilangan ekar yang kecil untuk memperolehi pemilikan yang ekonomi saiz (more economic size holdings); membaiki pengeluaran tahunan yang sekarang hanya merupakan 670 lb untuk satu ekar. Bila dibandingkan dengan keluaran estet yang berjumlah 1,020 lb seekar, dan untuk menanam tanaman semula dan memajukan amalan amalan keluaran seperti membaiki teknik menoreh yang akan mengawasi penyakit dan melanjutkan umur pokoknya dan lebih banyak pilihan jenis-jenis baja yang akan digunakan.

Untuk meringankan kemiskinan di antara pekebun-pekebun kecil getah ini yang terdiri daripada 226,000 keluarga dan kebanyakannya adalah berasal daripada orang Melayu, saya ingin menggesa Kerajaan supaya mengecualikan cukai eksport dan juga rubber cess bagi pekebun-pekebun kecil yang mempunyai tanah kurang dari 15 ekar. Ini adalah merupakan satu rancangan yang lebih berkesan dan bermakna dalam usaha membasmi kemiskinan di antara mereka.

Tuan Pengerusi, dalam hubungan ini, satu keperluan yang terpenting bagi RISDA ialah untuk memperolehi semula keyakinan dari pekebun kecil getah ini terhadap RISDA kerana terdapat tuduhan tentang salahguna

kuasa dan wang rakyat telah dibuat terhadap RISDA, yang lain daripada kes-kes di mana N.B.I. sedang menyiasat mengenai subsidi RISDA.

Memandangkan kepada perkara yang amat serius ini, saya ingin mencadangkan kepada Setiausaha Parlimen Kementerian yang berkenaan atau RISDA sendiri patutlah memberi satu keterangan umum yang penuh di dalam Dewan ini supaya pekebun-pekebun kecil getah ini dapat diyakini bahawa kepentingan mereka adalah diperindungi dengan sewajarnya. Itulah yang saya ingin per-katakan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus, Minta pendek-pendekkan sedikit ucapan Yang Berhormat kerana pada pukul 5.30 petang ini saya akan jemput pihak Kerajaan menjawab. Nampaknya ada empat orang lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap. Sila Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus dahulu, selepas itu Setiausaha Parlimen akan menjawab.

4.48 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Pengerusi, dalam peruntukan yang diminta oleh Kementerian Perusahaan Utama yang berjumlah \$99,253,120 ini, saya suka juga mengambil sedikit per-bahasan, pertama mengenai Kepala B. 22 Pecahan-kepala 1100, muka surat 125, aktiviti (1) dan (3).

Dalam masaalah ini saya suka merayu ataupun menyebutkan di sini kepada Kementerian yang berkenaan satu perkara yang amat tidak puas hati kepada pekebun-pekebun kecil atau penanam-penanam getah di dalam negara kita ini ialah mengenai penyakit-penyakit getah.

Tuan Pengerusi, masaalah penyakit getah ini apa yang saya mengetahui benar-benar bahawa kebanyakan getah-getah yang ditanam semula itu ada yang ditanam disebabkan pokok itu terlampau tua dan ada pula yang ditanam semula kerana kebun-kebun mereka itu hanya sedikit sahaja dan oleh kerana pokok getah terkena penyakit. Kemudian getah-getah ini apabila ditanam semula dan apabila sampai waktu untuk ditoreh, kadang-kadang getah ini langsung terkena penyakit dan kadang-kadang selepas 3, 4 tahun ditoreh getah-getah ini tombang begitu

sahaja. Apabila setengah-setengah pekebun kecil itu memberitahu pihak yang berkenaan kadang-kadang mereka itu dapat layanan tetapi layanan tidak memuaskan dan kadang-kadang tidak langsung dapat layanan.

Apa yang saya suka merayu kepada Kementerian yang berkenaan ialah supaya Kementerian yang berkenaan bersungguh-sungguh dalam kajiannya untuk menentukan ubat-ubat supaya boleh dibuat getah-getah yang kena penyakit ini. Cubalah buat kajian. Pekebun-pekebun kecil yang mempunyai 5, 6 ekar berusaha menanam getah mereka itu 5, 6 tahun, apabila getah itu hendak ditoreh, getah mereka kena penyakit, kemudian kebanyakan penyakit-penyakit itu tidak dapat diubati. Saya tidak tahu sejauh mana Kementerian yang berkenaan dapat menghasilkan ubat-ubat yang boleh mengubati pokok-pokok getah ini. Sekiranya Kementerian yang berkenaan gagal untuk menghasilkan ubat-ubat yang boleh mengubati getah ini, saya fikir Kerajaan kita menanggung kerugian berjuta-juta ringgit pada setahun untuk memberi bantuan tanaman semula, memberi bantuan kepada pekebun-pekebun kecil mereka itu berusaha, selepas pokok getahnya besar tetapi terkena penyakit dan mereka itu menanggung kerugian. Jadi, saya merayu sungguh-sungguhlah kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengkaji benar-benar supaya pokok-pokok getah mereka itu dapat diubati daripada segala penyakit yang kena pokok-pokok getah samada penyakit akar, penyakit dahan ataupun sebarang penyakit.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh mengenai Pecahan-kepala 1100, aktiviti (4) Perhutanan. Masaalah ini samada disedari ataupun tidak disedari oleh Kementerian yang berkenaan ialah pencurian kayu-kayu balak di dalam hutan-hutan Kerajaan perkara ini pernah ditimbulkan secara besar-besaran di dalam akhbar-akhbar pada satu masa dahulu, tetapi apa yang saya dapat tahu perkara ini masih menjadi-jadi sehingga sekarang. Saya tidak tahu berapa juta ringgit Kerajaan rugi tentang masaalah ini. Setengah-setengah kayu balak ini apabila ditebang ditinggalkan begitu sahaja, mereka ambil sesuka hati mereka, dan setengah-setengahnya itu tinggal di tepi-tepi jalan dengan tidak membayar cukai kepada Kerajaan. Apa yang saya tahu banyak sekarang ini masih berlaku dan sedang berlaku pembalok-pembalok di dalam

negeri kita ini masih mencuri kayu-kayu Kerajaan yang tidak di dalam block mereka itu ataupun tidak di dalam kawasan yang diluluskan kepada mereka itu tetapi hanya di sempadan kawasan-kawasan yang diluluskan. Mereka itu mencuri kayu-kayu Kerajaan dan

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat tahu tempatnya?

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tahu sedikit-sedikit.

Tuan Pengerusi: Baguslah, boleh direpotkan kepada Kementerian.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Masalah ini, saya fikir sudah menjadi rahsia umum. Cuma apa yang saya tekankan di sini supaya Kementerian yang berkenaan mengambil berat dan saya yakin dan percaya bahawa Kementerian tahu hal ini, samada dia hendak ambil tahu ataupun tidak hendak ambil tahu, tetapi saya yakin dan percaya hal ini diketahui oleh Kementerian yang berkenaan. Oleh itu, saya sebutkan di sini supaya diambil tindakan yang tegas kepada pembalak-pembalak yang selalu mencuri kayu Kerajaan di dalam hutan-hutan simpan atau sebagainya.

Tuan Pengerusi, Kepala P. 22, Pecahan-kepala 4—Lembaga Tembakau Negara. Oleh kerana kebetulan masalah tembakau ini banyak penduduk-penduduk di kawasan saya itu terlibat dan apa yang terjadi, umpamanya, pada tahun ini banyak di antara penanam-penanam tembakau itu menanggung kerugian disebabkan oleh kesilapan baja ataupun penukaran baja, ini apa yang diberitahu kepada saya. Sebab baja yang digunakan pada tahun yang sudah ini memang boleh mendatangkan hasil kepada mereka itu tetapi apabila diarah ataupun dinasihatkan oleh L.T.N. untuk menukarkan baja-baja ini, maka baja-baja ini apabila digunakan oleh penanam-penanam tidak mendatangkan hasil kepada mereka itu dan lagi merendahkan mutu pengeluaran daun tembakau. Saya suka memberi pandangan di sini, oleh kerana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian yang berkenaan tadi telah menyatakan dalam negeri inipun ada seminar tembakau. Saya suka memberi pandangan di sini bahawa di dalam soal pengkajian segala aspek mengenai tembakau

ini saya mintalah Kementerian yang berkenaan supaya bersungguh-sungguh dalam memberi nasihat-nasihat kepada penanam-penanam tembakau, sebab banyak di antara penanam-penanam tembakau di Pantai Timur khususnya yang menjadi mangsa percubaan pihak-pihak yang mengeluarkan baja, mangsa percubaan pihak-pihak yang mengeluarkan racun dan sebagainya. Bagi orang kampung apabila nasihat ini diterima, kebanyakannya mematuhi nasihat-nasihat yang diberikan itu.

Saya sedar Kementerian ini baharu sahaja dipertanggungjawabkan mengenai tembakau ini, walau bagaimanapun saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan dalam usaha Kementerian ini yang saya anggap bersungguh-sungguh untuk memanggil pihak pengawit dan sebagainya bagi mencari satu jalan menyelesaikan beberapa masalah. Umpamanya, pada satu ketika dahulu masalah perselisihan harga. Perselisihan gred dan sebagainya. Saya berterima kasih banyak kepada Kementerian yang berkenaan. Dalam hal ini saya mengharapkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya lebih bersungguh-sungguh dan berhati-hati muga-muga penanam-penanam tembakau yang ada di seluruh negara kita ini yang setengah-setengah daripada mereka itu bergantung penghidupan mereka kepada hasil tanaman tembakau ini tidak menjadi mangsa-mangsa mana-mana pihak samada pihak pengawit ataupun pihak kompani-kompani yang besar, hendak melaga-lagakan, maka satu ketika akhirnya harga daun tembakau mereka itu kadang-kadang jatuh. Sekarang ini apa yang diberitahu kepada saya masih berlaku perselisihan gred yang ditentukan oleh pihak L.T.N. sendiri, ada gred yang ditentukan oleh L.T.N. itu tidak dapat diterima oleh pihak pembeli, tetapi di satu ketika pihak pembeli dapat terima. Jadi, ini mungkin permainan orang berniaga.

Itulah sahaja yang saya harapkan kepada Kementerian ini.

4.58 ptg.

Tuan Embong bin Yahya (Ledang): Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong perbelanjaan Kementerian Perusahaan Utama yang diuntukkan sebanyak \$99 juta lebih. Dalam pada itu, saya suka memberi tahniah

kepada Kementerian ini yang telah bersungguh-sungguh bekerja dan sadar bahawa Kementerian ini boleh jadi punca yang besar kekayaan negara, terutama sekali melibatkan diri dalam dunia international mengenai getah, bijeh, kelapa sawit, nenas dan lain-lain sehingga pasar barangan kita dalam hal ini dapat keuntungan yang besar dan kesetabilan ekonomi. Dalam pada itu sebagai sebuah Kementerian tentulah tidak sunyi daripada menghadapi kelemahan-kelemahan dalam pentadbirannya.

Saya suka menyentuh berkenaan dengan Kepala P. 22, Rancangan Penanam Semula Getah seperti yang telah disebutkan oleh rakan-rakan saya tadi bahawa adalah menjadi perbualan rakyat hari ini tentang kejujuran pegawai-pegawai Kementerian ini, terutama berkenaan dengan RISDA dalam masaalah penanam semula. Sebagaimana kita tahu peruntukkan \$39 juta lebih akan diuntukkan pada tahun depan untuk menanam semula getah. Sebagaimana kita sadar kes penyelewengan atau penipuan oleh pegawai-pegawai tinggi dalam penanam semula ini patutlah diambil perhatian berat oleh pentadbir Kementerian ini. Saya rasa kalau tidaklah kerana kelemahan pentadbiran maka penyelewengan itu tidak akan berlaku.

Yang pertama sekali, kita tahu bahawa ada dibuat rancangan penanam semula oleh pegawai yang berkenaan tetapi dengan tidak ada tanah, sawah padi direkomen untuk menanam semula yang melibatkan penipuan berpuluh-puluh juta ringgit. Perkara ini tidak berlaku sekiranya Kementerian ini betul-betul ada pengawasan yang rapi. Ini menunjukkan laporan menanam semula beratus-ratus ribu ekar ini didengar oleh rakyat boleh jadi satu perkara yang tidak betul kerana bagaimana yang berlaku di tempat yang tidak ada getah boleh diluluskan penanam semula. Ini menunjukkan pentadbiran untuk menanam semula getah ini tidak diatur dengan rapi, tidak diperiksa kepada Jabatan Tanah samada tempat yang direkomenkan untuk menanam semula itu betul-betul tanah getah dan ada tuan yang punya, ada nombor geran, dan juga tidak diperiksa dengan kontraktor yang mengambil kontrak menanam semula. Inilah sebab-sebab yang boleh berlaku penyelewengan dan penipuan ini dengan sewenang-wenangnya. Dengan sebab itu, saya cadangkan supaya Kement-

terian ini ada satu badan petugas yang betul-betul berkuasa yang meliputi bukan sahaja pegawai Kementerian tetapi orang-orang luar juga. Wakil Rakyat boleh diambil, orang-orang yang mahir dalam kampung itu boleh diambil, orang-orang yang dipandang berguna boleh diambil menjadi Ahli Jawatankuasa kepada badan petugas yang akan pergi menyiasat segala cadangan-cadangan oleh pegawai tanah atau pegawai RISDA yang hendak mengambil kontrak menanam semula di mana tempatnya, geran nombor berapa, di mana letaknya, berapa ekar, siapa yang punya. Boleh jadi selama ini tidak ada dibuat begitu dalam Kementerian dan jurusan menanam semula (RISDA) kerana pegawai boleh meluluskan rancangan menanam semula dengan sewenang-wenang melibatkan berbelas juta ringgit. Mengapa jadi begini? Harapkan rakyat cukup besar kepada Kerajaan. Rancangan Malaysia Ketiga datang, Perdana Menteri kita memberitahu bahawa rancangan ini untuk kemakmuran rakyat, untuk menolong rakyat yang di kampung-kampung tetapi kalau pegawai kita dalam Kerajaan membuat macam ini di mana letaknya harapan rakyat. Kami sebagai Wakil Rakyat amat berat memikul tanggungjawab ini. Di mana-mana kampung kami pergi ditanya, dipersoalkan. Inilah satu perkara yang sangat besar saya pandang yang terlibat dalam Kementerian Perusahaan Utama. Betul Kementerian ini boleh menaikkan harga getah, menstabilkan harga getah tetapi dalam hal ini asya nampak sedikit cacat oleh keadaan-keadaan yang telah berlaku. Saya rasa dengan adanya badan petugas itu boleh jadi orang-orang yang cuba hendak melakukan kecurangan itu akan berhati-hati. Biarlah kita sediakan payung sebelum hujan, jangan sudah hujan begitu lebat baru hendak cari payung dan menyebabkan kita sudah mengalami kerugian, sudah basah kuyup seperti yang telah berlaku 1-2 tahun yang lepas.

Perkara kedua, Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh berkenaan dengan hal bantuan menanam semula. Ada juga terdengar bahawa rakyat yang diberi geran bantuan itu tidak sampai wang ke tanganya. Bagaimana boleh terjadi begini. Satu ekar diberi \$800, kalau 4 ekar ada \$3,200; kadang-kadang tuanpunya tanah itu dapat \$200, \$300 sahaja tetapi orang lain yang mendapat lebih. Perkara inipun patut diawasi. Kalau sudah kita beri geran kepada sesuatu kawasan tanah, kepada tuanpunya

patutlah ada badan juga yang bertugas pergi menyiasat samada tuan tanah itu betul-betul menanam semula atau cuma dia ambil untung sedikit, diberi wang itu kepada kontraktor lain yang menanam semula di tanah hutan lain, bukan ditempat yang hendak diakui untuk menanam semula di situ.

Saya pernah mendengar cerita bahawa seorang tuan tanah mendapat 4 ekar menanam semula dan dia boleh minta lagi geran untuk 4 ekar tetapi 4 ekar yang pertama dia tanam semula dan 4 ekar yang kedua itu diberi kepada kontraktor dengan tidak ada menanam semula dan kontraktor itu minta satu hutan lain dan pada hutan itulah dia usahakan dengan duit yang dia ambil daripada pekebun kecil untuk bantuan.

Adakah Kementerian menyiasat dalam perkara ini? Ini satu perkara lagi cara melarikan wang Kerajaan untuk kepentingan diri sendiri. Jadi patutlah dalam hal memberi geran kepada pekebun kecil ini Kementerian bekerjasama dengan Pejabat Daerah, maklumkan kepada Pegawai Daerah bahawa orang ini dapat geran, tolong perhatikan samada betul-betul dia mengerjakan menanam semula kebunnya, samada betul-betul wang itu dapat dengannya kerana maklumlah orang kampung hanya bersekolah rendah, setengahnya itu barangkali tidak bersekolah langsung, hanya mempercayai 100% kepada pegawai Kerajaan menguruskan hal itu. Saya rasa hendaklah Kementerian ini membuat pengawasan yang rapi dalam perkara ini.

Menyentuh berkenaan dengan kehutanan di muka surat 134, nampaknya daripada percakapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi dalam masa soal-jawab sangat diragukan peranan bumiputra dalam perusahaan kayu-kayan. Nampaknya bumiputra hanya mempunyai lesen sahaja, berpuluh-puluh lesen dikeluarkan tetapi tidak ada perusahaan. Saya tidak tahu samada bahasa Ali Baba itu betul diletakkan di sini—betul Kementerian Perusahaan Utama hanya mengehendaki kayu, hasil, siapa punya jangan peduli tetapi Kementerian ini juga terlibat dengan rancangan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan yang berkehendakkan peranan bumiputra lebih besar dalam perusahaan kayu-kayan untuk hasil negara. Jadi sambil mengambil hasil patut juga Kemen-

terian ini sedar bahawa bumiputra yang mendapat lesen itu seboleh-bolehnya biar dia berusaha sendiri, belajar memproses kayu, kalau tidak di mana ada bumiputra yang hendak mendapat pengetahuan dan latihan. Jadi Kementerian ini ada inisiatif bersama-sama mengeluarkan bumiputra yang terlatih dalam perusahaan balak atau perusahaan kayu-kayan. Kalau begini caranya sampai kepada tempoh Dasar Ekonomi Baru tamat tahun 1990 apabila disiasat bahawa bumiputra hanya beberapa orang sahaja yang dapat kesenangan, hanya menjadi tuan lesen tetapi perusahaan lain itu tidak dapat didekapi, akhirnya Kerajaan kita pasti ditembelak, pasti dituduh oleh rakyat.

Jadi sebelum terlewat saya minta Kementerian ini menjalankan satu penyiasatan di mana sebenar-benarnya bumiputra yang mendapat lesen perusahaan kayu-kayan itu yang dia mengerjakan sendiri atau sekurang-kurangnya tiga suku pekerja-pekerjanya itu daripada bumiputra dan sebahagian lagi bolehlah diambil daripada orang bukan bumiputra. Bumiputra sendiri hendaklah melibatkan diri, bukan hanya sebagai pemegang lesen sahaja. Saya percaya 58% yang disebut oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi hasil kayu-kayan daripada Bumiputra itu hanya daripada lesen beberapa orang sahaja, tidak ada dirasai oleh rakyat yang sebenarnya. Dengan sebab itu, saya rasa sudah patutnyalah Kementerian Perusahaan Utama berjalan sedasar dengan Dasar Ekonomi Baru. Sementara hendak menjaga hasil negara, maka ada dalam rancangannya melatih bumiputra dalam hal kayu-kayan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, seperkara lagi yang saya hendak sentuh ialah supaya Kementerian ini mengawasi orang-orang yang melarikan getah kita ke sempadan. Ini melibatkan kehilangan cukai barangkali berpuluh-puluh juta ringgit setahun

Tuan Pengerusi: Ini perkara Kastam, tidak bersangkutan dengan Kementerian ini.

Tuan Embong bin Yahya: Kalau boleh bekerjasama dengan Pejabat Kastam untuk membuat pengawasan yang lebih rapi supaya hasil getah kita tidak dibawa lari ke sempadan atau kehilangan hasil berpuluh-puluh juta seperti itu.

Tuan Pengerusi: Jangan panjang-panjang Yang Berhormat. Ada dua orang lagi Ahli Yang Berhormat hendak bercakap.

Tuan Embong bin Yahya: Ya, sudah habis, Tuan Pengerusi. Saya rasa setakat itulah sahaja ucapan saya dan akhirnya saya menyokong perbelanjaan Kementerian ini.

5.11 ptg.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar (Batu Pahat): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan bagi Kementerian Perusahaan Utama yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian yang berkenaan sebentar tadi.

Walau bagaimanapun, saya meminta izin untuk bercakap dalam satu dua perkara mengenai dengan jabatan di bawah Kementerian ini. Ramai rakan-rakan saya telahpun bercakap mengenai dengan getah, bijih timah dan sebagainya. Oleh yang demikian, saya ingin bercakap mengenai dengan perusahaan nenas, Kepala Pembangunan 22, Pecahan-kepala 3, muka surat 133—Rancangan Penanaman Semula Nenas, peruntukannya sebanyak \$2,996,000.

Saya rasa penduduk-penduduk yang berkenaan khususnya penanam-penanam nenas berasa gembira dan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian ini khususnya kepada Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu dan juga Yunit Tanam Semula yang telah berjaya menanam semula nenas terutamanya untuk menggantikan pokok-pokok nenas yang telah tua yang hasilnya tidak begitu memuaskan. Dalam hal ini, apa yang mereka harapkan walaupun rancangan tanam semula itu telah berjaya, tetapi masaalah yang menjadi persoalan mereka ialah mengenai dengan pemasaran. Mereka tidak mahu lagi terjadi seperti pada masa-masa yang lalu terutamanya di waktu musim kemuncak yang menyebabkan nenas tidak dapat ditampung oleh kilang-kilang terutama kilang-kilang kebangsaan nenas yang ada di Daerah Pontian. Dalam hal ini, mereka mengharapkan supaya Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu mengambil satu inisiatif yang tertentu terutamanya untuk hendak mengurangkan ataupun hendak menjalankan pengeluaran nenas dalam musim kemuncak.

Dengan cara ini kita harap trajedi-trajedi yang boleh membosankan, menjemukan dan memutuskan semangat rakyat untuk hendak memajukan perusahaan nenas mereka berlaku lagi seperti beberapa tahun yang lalu. Dalam hal ini, mereka sangat mengharapkan terutama mengenai pengkelasan (grade) mutu nenas itu jenis A, B, C dan sebagainya, kerana mereka mengharapkan supaya mereka yang menjalankan perkara ini dapat menjalankan tugas dengan seadil-adilnya dan kalau boleh bukanlah pihak kilang yang mengkelaskan dan menetapkan mutu nenas itu, tetapi pihak M.P.I.B. kerana dari segi pengalaman, apa yang saya diberitahu kadang-kadang ada yang sepatutnya nenas itu dapat kelas A tetapi oleh sebab-sebab yang tertentu mereka dapat kelas yang rendah sedikit dan ada nenas yang kurang baik dapat diterima, sedangkan yang baik tidak diterima. Ini juga perkara yang patut kita perhatikan, sedangkan rakyat menggunakan tenaga, masa dan wang ringgit, tetapi hasil yang mereka terima tidak setimpal dengan tenaga yang mereka keluarkan. Mereka mengharapkan supaya pihak M.P.I.B. menengokkan perkara ini.

Mereka juga menyarankan terlampau banyak sangat jabatan-jabatan yang menjaga hal nenas ini. Sebagaimana saya katakan selain daripada M.P.I.B. (Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu), ada badan-badan yang lain seperti P.C.M., L.P.P., F.I.M.A, Yunit Tanam semula dan beberapa jabatan lagi. Mereka mengharapkan jabatan-jabatan ini dapat diselaraskan supaya dapatlah perusahaan nenas ini diberikan satu perhatian, kerana nenas juga adalah satu daripada hasil negara yang mengenalkan negara kita kepada negara-negara yang lain.

Satu lagi perkara yang mereka timbulkan iaitu mengenai wakil penanam-penanam nenas yang duduk dalam Lembaga Perusahaan Nenas Negara ini. Saya diberitahu wakil itu dipilih oleh M.P.I.B. sejak beberapa tahun yang lalu. Sepatutnya diberi peluang kepada penanam-penanam nenas itu sendiri memilih siapa wakil mereka yang duduk dalam M.P.I.B. ini supaya dapat orang yang menjadi wakil itu menyuarakan secara genuine, secara yang sebenar-benarnya, apakah kesulitan-kesulitan pihak penanam-penanam nenas ini. Sekiranya ini betul, saya harap dapatlah perkara ini diperbetulkan

dan pemilihan ini benar-benar mewakili penanam-penanam nenas yang ada kepentingan dalam perkara ini.

Mereka juga musykil dan kurang puas hati mengenai dengan quota lori-lori yang mengangkut nenas ini. Mengikut apa yang saya diberitahu, quotanya dua lori bumiputra dan empat lori yang bukan bumiputra. Sedangkan dalam kawasan yang tersebut, lori bumiputra ini lebih banyak daripada lori yang bukan bumiputra, sekurang-kurangnya dapatlah 3.3. Begitu juga saya diberitahu mengenai dengan barang-barang keluaran kilang nenas terutamanya nenas yang sekarang ini tinggal satu sahaja. Saya harap kilang pembuat tin dan kilang nenas ini memberi peluang kepada lori bumiputra mengangkutnya. Pada hari ini ianya dijalankan oleh lori bukan bumiputra ataupun diberi separuh-separuh supaya menggalakkan perusahaan pengangkutan bumiputra sebagaimana yang saya katakan tadi.

Saya diberitahu, mengikut apa yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan iaitu 30% daripada pengeluaran kilang nenas Kerajaan atau P.C.M. ini diberi peluang kepada pengedar-pengedar bumiputra untuk mengedarkan—maksud saya kepada pasaran tempatan Tetapi malangnya bila ada pengedar bumiputra yang hendakkan nenas 30% itu didapati tidak ada. Ini tidak tepat kita yang menetapkan satu polisi tetapi perlaksanaannya tidak dapat dijalankan, sedangkan seperti yang saya katakan tadi bumiputra ingin hendak mengambil bahagian terutamanya mereka yang duduk dalam kawasan tanaman nenas tadi.

Saya juga mendengar sungutan-sungutan yang mengatakan bahawa nenas-nenas mutu yang baik, bila disebut nenas mutu yang baik ini ialah nenas yang dikeluarkan oleh Yunit Tanam Semula, terlepas juga ke kilang swasta. Sepatutnya kita berikan kepada kilang P.C.M. untuk meninggikan mutu pengeluaran nenas yang saya katakan tadi.

Tuan Pengerusi, untuk meluaskan penggunaan nenas, kita pelbagaikan perusahaan nenas bukan setakat mengetin sahaja, mengetin ini pun ada dua tiga cara, cara cube dan sebagainya. Begitu juga patut kita banyakkan perusahaan membuat jem terutamanya pada nenas yang mutu kurang baik. Dan ada juga saya diberitahu boleh juga diproses dijadikan

minuman keras atau beer daripada untuk tujuan eksport. Dan ini dapat menambah lagi kegunaan buah nenas.

Selain daripada itu patut juga M.P.I.B. ini berusaha untuk memperbaiki semula pasaran nenas di peringkat antarabangsa, kerana pada masa yang lalu dengan sebab kesilapan kita ada juga nenas yang kita hantar keluar negeri mutunya kurang baik, walaupun baik barangkali oleh kerana kecacatan disebabkan oleh setengah pekerja yang kurang cermat, saya dapat tahu banyak nenas kita dipulangkan semula dan sebagainya. Ini patut kita perbaiki dengan tujuan hendak membanyakkan eksport nenas kita yang saya rasa tidak juga ketinggalan mutunya daripada pengeluaran nenas di negara lain.

Setakat inilah sahaja, sekali lagi saya berharap pihak M.P.I.B. atau lain-lain jabatan berkenaan mengenai nenas ini supaya dapat bersama-sama menjayakan segala usaha bagi kebaikan penanam-penanam nenas dan dengan ini sekali lagi saya menyokong peruntukan Kementerian ini sebagaimana yang saya katakan tadi.

5.24 ptg.

Tuan Oh Keng Seng (Petaling): Tuan Pengerusi, Kementerian Perusahaan Utama adalah salah satu Kementerian yang penting dari segi ekonomi negara oleh kerana Kementerian Perusahaan Utama adalah menjaga dan mengawal bahan-bahan utama negara dan bahan-bahan utama ialah nyawa ekonomi negara. Jika harga bahan-bahan utama naik, negara kita akan mendapat untung lebih dan rakyat Malaysia pun senang. Saya mengesyorkan kepada Kementerian Perusahaan Utama supaya dapat menjalankan tugas yang berat dalam segi penyelidikan di dalam mutu bahan-bahan utama dan juga membuat lebih banyak rombongan perdagangan (trade missions) keluar negeri untuk memajukan jualan bahan-bahan utama supaya bahan-bahan utama mendapat harga yang lebih tinggi di pasaran antarabangsa.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh Kepala P. 22, muka surat 134 berkenaan Perhutanan. Yang Berhormat Menteri telah membuat suatu pengumuman beberapa bulan yang lalu bahawa pada 1hb September, 1976

Kerajaan akan menghalang eksport kayu balak berukuran lebih 16 inci ke atas keluar negeri. Tetapi malangnya saya dapat tahu pada hari ini banyak kayu balak lebih 16 inci lilitannya (diameter). Malangnya kita dapat tahu lagi, ada kayu balak dieksport keluar melalui Kastam Johor. Apakah sebab kalau Kerajaan telah buat satu perintah bahawa kayu balak lebih 16 inci tidak boleh dieksport. Saya dapat tahu ada orang tertentu dapat permit eksport iaitu golongan VIP. Adakah ini betul? Kalau ini betul, tentulah melanggar tujuan free enterprise. Apakah sebabnya golongan VIP boleh dapat permit khas? Ini adalah satu kesilapan besar Kementerian dan saya harap Setiausaha Parlimen yang berkenaan boleh memberi penjelasan dalam perkara ini.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, saya suka menyebut di sini ialah saya dapat komplek daripada calun-calun yang mahu masuk latihan menjadi Timber Grader, komplek dari orang yang bukan bumiputra bahawa mereka susah dapat peluang berlatih menjadi Timber Grader. Saya dapat tahu kalau calun-calun yang bukan bumiputra mahu masuk sekolah latihan menjadi Timber Grader, mereka mestilah beri "tea money". Barangkali Yang Berhormat Menteri tidak sedar perkara ini ada berlaku. Saya harap Kementerian ini menyiasat komplek ini dan saya harap Kementerian dalam tugas memilih calun-calun untuk latihan menjadi Timber Grader haraplah menjamin komposisi kaum di negara kita.

Tuan Pengerusi, akhirnya satu komplek lagi daripada pengeksport timber. Mereka ada komplek sehingga sekarang ini sangat susah mendapatkan lesen eksport, oleh kerana banyak sebab-sebab yang berlaku dan barangkali Kementerian boleh jelaskan, apakah sebabnya pengeksport kayu balak dahulu boleh mendapat permit, tetapi kalau mahu membaharuinya, mereka susah untuk mendapat permit.

5.29 ptg.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu suka saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa ini yang mana mereka berminat dari segi hal ehwal perusahaan utama sehingga 9

orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberikan syor-syor dan teguran-teguran ke atas dasar dan pelaksanaan Kementerian saya. Saya suka memberi jawapan dan pandangan kepada teguran-teguran yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi jikalau saya tidak begitu tepat atau spesifik di atas jawapan-jawapan saya, Kementerian saya akan mengambil perhatian yang berat mengenai syor-syor dan cadangan-cadangan yang begitu membina yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tidak kurang daripada tujuh orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan berkenaan dengan Tanaman Semula Getah dan juga peranan pekebun-pekebun kecil di dalam perusahaan getah di negara Malaysia ini. Suka saya nyatakan di sini seperti saya katakan apabila saya membentangkan ucapan Belanjawan Kementerian saya ini, perindustrian getah asli ialah satu perusahaan yang penting di negara kita ini dan di dalam perindustrian getah peranan yang dimainkan oleh pekebun-pekebun kecil makin lama makin terbesar sebab bukan sahaja luasnya pekebun-pekebun kecil di dalam perusahaan getah ini telah bertambah, tetapi pengeluaran pun semakin lama semakin bertambah. Maka dengan ini Kementerian saya sedang mengambil perhatian yang berat ke atas semua ikhtiar-ikhtiar dan langkah-langkah untuk meninggikan taraf hidup pekebun-pekebun kecil di tanahair kita ini.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Untuk menggalakkan pekebun kecil mencapai matlamat meninggikan pendapatan daripada kebun-kebun mereka, RISDA ialah satu agensi yang telah dan akan memainkan peranan yang penting di dalam usaha-usaha ini dan saya pun telah mengambil perhatian atas beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh berkenaan dengan RISDA dan juga sebarang penyelewengan pegawai-pegawai RISDA daripada tugas-tugas mereka untuk mencapai matlamat meninggikan taraf hidup pekebun-pekebun kecil yang saya katakan tadi. Suka saya menjelaskan di sini dan ini pun telah dijelaskan dan dibuat pengumuman dari masa ke semasa oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama sendiri atas segala ikhtiar yang akan dibuat untuk mengatasi semua kesulitan berkenaan

dengan pelancaran atau pelaksanaan rancangan tanaman semula dan sebagainya di bawah jajaan RISDA. Pada masa ini Akta dan Ordinan dan peraturan-peraturan telah pun dipinda supaya langkah-langkah dengan lebih tepat boleh diambil untuk menyelenggarakan dan mengawasi segala usaha-usaha yang dijalankan oleh pegawai-pegawai RISDA supaya penyelewengan yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi tidak akan berlaku lagi. Di dalam RISDA pun telah ditubuhkan satu unit khas untuk mengkaji dan untuk menjalankan dengan lebih licin segala usaha di bawah RISDA ini.

Berkenaan dengan tanaman semula, ada beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara seperti grant tanam semula itu tidak mencukupi. Di sini saya ingin merujuk kepada ulasan yang diberi oleh Yang Berhormat dari Batang Lupar, Sarawak mengenai peruntukan tahun 1977 tidak mencukupi atau kurang daripada yang diberi pada tahun 1976. Suka saya menegaskan di sini bahawa rancangan tanam semula di negeri Sarawak dijalankan oleh Kerajaan Sarawak dan pada tahun 1971 hingga 1975 sejumlah 14,549 ekar kebun getah telah ditanam semula dan bayaran grant di bawah rancangan tanam semula rancangan Kerajaan tertakluk kepada beberapa luas tanah getah itu yang mampu dijalankan oleh Jabatan Pertanian di Negeri Sarawak.

Ahli Yang Berhormat itu telah membangkitkan berkenaan bantuan \$900 yang mana dianggap tidak mencukupi. Suka saya menjelaskan di sini bantuan \$900 ini baru dinaikkan daripada \$600 satu ekar mulai daripada Rancangan Malaysia Yang Ketiga selaras dengan kadar yang dibayar di Semenanjung Malaysia. Memang Kementerian saya sedar bahawa bantuan \$900 ini barangkali tidak mencukupi, ini adalah dalam kajian tetapi ini ada bersangkutan dengan dasar berkenaan dengan cess tanaman semula. Sebab daripada \$900 yang dibayar kepada pekebun kecil seekor cuma \$300 dibayar oleh Kerajaan, bakinya \$600 dibayar daripada cess di mana semuanya diikuti masa sekarang mengikut $4\frac{1}{2}$ sen satu paun. Di sini saya suka juga menjelaskan rancangan tanaman semula yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat seperti lambat memberi bantuan kepada kebun-kebun kecil, atau baja kurang dan tidak mencukupi dan sebagainya. Masaalah-masaalah

itu selalu dikaji dari semasa ke semasa dan RISDA pun telah mengambil tindakan untuk mengatasi masaalah seperti ini dan saya percaya dari semasa ke semasa kalau ada kelemahan dalam pentadbiran RISDA ini, saya yakin dengan penubuhan Yunit Tugas Khas itu masaalah seperti ini boleh dapat diatasi.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar juga telah membangkitkan berkenaan dengan penyiasatan terhadap bijih besi di negeri Sarawak. Ini memang dasar bagi Kementerian saya dan Kerajaan untuk menggunakan hasil yang ada di bawah bumi dengan seberapa daya-upaya yang boleh dan suka saya menjelaskan di sini juga Jabatan Penyiasatan Kajian Bumi telah ada satu projek khas untuk siasatan lanjutan terhadap bijih besi di Sarawak.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas telah menyentuh berkenaan dengan peranan yang diambil oleh Pekebun kecil dalam segala usaha untuk memperbaiki mutu pengeluaran getah untuk memperoses getah itu supaya pekebun kecil boleh mengeluarkan getah mutu R.S.S. I dan untuk memberi segala bimbingan kepada pekebun kecil dalam bidang pemasaran. Yang Berhormat itu juga membangkitkan perkara berkenaan dengan peranan yang boleh dimainkan oleh Persatuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil Malaysia. Di sini saya ingin menjelaskan bahawa memang dasar Kerajaan untuk selalu mengadakan dialog dengan pekebun-pekebun kecil khususnya dengan wakil daripada Persatuan Kebangsaan Pekebun Kecil Malaysia yang baharu itu ditubuhkan dan Yang Berhormat dari Padang Rengas sedia maklum bahawa segala pandangan-pandangan, ulasan-ulasan dan syor-syor daripada Persatuan atau wakil Persatuan selalu dihargai dan wakil-wakil itu pun telah mengambil bahagian dalam perundingan bukan sahaja mengenai getah di negara kita bahkan juga di kalangan persidangan getah antarabangsa.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas membangkitkan berkenaan dengan harga getah mengikut gred-gred yang dikeluarkan oleh pekebun kecil dan masaalah berkenaan dengan gred yang ditentukan oleh pembeli-pembeli getah atau pelesen peniaga getah itu tidak benar atau harga yang diberi tidak berpatutan. Di sini ingin saya menjelaskan selama kita ada gred-gred getah mengikut

pandangan mata atau visual grading seperti R.S.S. I, II, III, IV dan V masaaalah seperti perbezaan di antara satu gred dengan lain (sebab getah ini kurang kering atau keping getah itu ada meliputi barang yang kotor atau sebagainya) masih ada. Oleh yang demikian, Kerajaan telah mengubah daripada cara visual grading kepada technical specification yang diadakan pada masa sekarang di bawah Rancangan S.M.R. atau Standard Malaysia Rubber. Walau bagaimanapun, di bawah Lembaga Pemasaran dan Pelesenan Getah, langkah-langkah sedang diambil untuk menyiasat dan mengawasi bahawa harga yang diberi kepada pekebun kecil ini selaras dengan gred yang tertentu tidak kurang daripada harga yang ditetapkan oleh Lembaga itu.

Tuan Pengerusi, di sini saya ingin memberi jawapan kepada Ahli Yang Berhormat dari Tumpat berkenaan dengan harga nenas dan juga masalaah mengenai pengeluaran nenas itu terlalu banyak dan mengakibatkan harga itu turun dan juga kemampuan kilang-kilang nenas-nenas itu tidak dapat menggunakan masa itu terlebih dahulu. Suka saya menyatakan di sini bahawa pengeluaran nenas adalah bermusim dan pada musim kemuncak pengeluaran nenas adalah lebih dari biasa dan oleh yang demikian tidaklah dapat dielakkan menjadi busuk, tetapi dalam perkara ini kajian telahpun dibuat dan penyelidikan pun telah dijalankan oleh MARDI supaya pengeluaran nenas itu boleh diaturkan untuk mengatasi musim yang mana ada banyak pengeluaran-pengeluaran nenas itu tidak dapat digunakan.

Ahli Yang Berhormat itu juga mendesak supaya tindakan diambil untuk memperbaiki pasaran buah nenas dan nenas dalam tin. Suka saya menyatakan di sini bahawa pasaran antarabangsa mengenai nenas dalam tin di dunia pada masa sekarang ini kita menghadapi cabaran bukan sahaja daripada negara-negara yang mengeluarkan nenas dalam tin dan juga di pasaran yang tradisi, iaitu di United Kingdom. Pada masa sekarang kita menghadapi soal cukai sebab United Kingdom telah masuk dalam E.E.C. Dan lagi di negeri Jepun ada suatu "quota" bagi mengimpot nenas dalam tin dan langkah telah diambil untuk berunding dengan Kerajaan negeri Jepun supaya kita boleh mendapat lebih "quota" daripada negeri Jepun itu.

Berkenaan dengan Lembaga Tembakau Negara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat itu yang mana beliau telah mendesak supaya kita menggalakkan penanaman tembakau supaya pendapatan penanaman tembakau itu dapat ditinggikan, saya suka menyatakan di sini bahawa Lembaga Tembakau Negara sekarang ini telah menjalankan pusat pemasaran di mana pertikaian atas gred-gred yang ditentukan oleh Lembaga ini dapat diselenggarakan. Di dalam bidang ini Lembaga Tembakau Negara juga telah mengambil langkah untuk memberi perkhidmatan teknikal (technical advisory service) kepada pekebun-pekebun atau penanam tembakau supaya mutunya boleh ditinggikan.

Bagi tempoh Rancangan Malaysia Yang Ketiga kita telah berhubung dengan MARDI supaya satu rancangan penyelidikan akan dijalankan agar mutu daun tembakau itu dapat ditinggikan.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh berkenaan dengan perindustrian kayu-kayan. Di sini saya bersetuju dengan pandangan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat yang mana beliau berkata hasil kayu-kayan penting dan kita mesti menggalakkan supaya semua usaha untuk memproses kayu-kayan ini dibuat sebelum diekspot. Kerajaan memang menggalakkan lebih banyak kayu balak diproseskan di dalam negeri ini dan seperti saya katakan tadi Kerajaan telah menggalakkan untuk mengadakan kompleks kayu-kayan berintegrated yang mana daripada pengeluaran sampai memperoses dan pemasaran boleh dijalankan dengan licin. Perkara inipun telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Dungun yang mana beliau telah berkata ada kilang papan membakar serbuk kayu gergaji (sawdust) dan kita mesti mencari ikhtiar supaya serbuk kayu gergaji yang dikeluarkan daripada kilang papan itu boleh digunakan untuk membuat chipboard dan sebagainya.

Dasar Kerajaan adalah untuk menggalakkan dan mewujudkan perusahaan untuk menggunakan segala by-product daripada kayu-kayan. Perkara ini juga telah dikaji dengan teliti oleh Jabatan Perhutanan khususnya Institut Penyelidikan Perhutanan dan juga kita menggalakkan pihak swasta khususnya kaum bumiputra untuk mendirikan

kilang-kilang bagi menggunakan by-product kayu-kayan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun juga telah membangkitkan satu syor untuk menubuhkan satu rancangan di mana pekebun-pekebun kecil boleh mengambil bahagian dalam satu skim estet yang diusahakan oleh Kerajaan bagi pihak pekebun kecil, khasnya bagi pekebun kecil yang mempunyai kebun yang lama. Pada masa sekarang ada rancangan yang dijalankan oleh RISDA di mana rancangan menanam getah berkelompok di bawah rancangan penanaman getah baru bagi pekebun-pekebun kecil yang mempunyai kebun kurang daripada enam ekar adalah layak mengambil bahagian dalam rancangan ini. Kalau sekiranya pekebun kecil itu ada mempunyai kebun empat ekar dia berhak mengambil empat ekar dalam rancangan tanaman baru. Pada masa hadapan apabila kebun itu telah sampai masanya untuk mengeluarkan getah, akan diadakan satu rancangan untuk dijadikan sebagai sebuah estet dan bukan perusahaan secara persendirian. Dengan itu RISDA boleh menjalankan ladang itu supaya bukan sahaja hasil daripada estet itu boleh diberikan kepada pekebun-pekebun kecil akan tetapi pekebun kecil atau keluarganya ada peluang untuk bekerja dalam estet itu.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun juga telah mendesak MARDEC menubuhkan satu kilang di Dungun. Saya ingin menyatakan di sini bahawa di Trengganu ada satu kilang iaitu di Kuala Berang dan kilang MARDEC itu ditempatkan di mana ada kawasan pekebun-pekebun kecil yang mampu untuk memberi sumber atau getah-getah ini untuk dibekalkan ke kilang yang tidak jauh daripada lingkungan 30 batu daripada kilang itu. Saya boleh mengarahkan MARDEC supaya membuat satu kajian dan siasatan, kalau sekiranya ada tempat yang sesuai di Dungun, kita boleh ikhtiar untuk mendirikan. Beliau juga telah membangkitkan perkara berkenaan dengan bijih besi. Mengapa kita kaji di Sarawak sahaja tetapi tidak membuat kajian di Dungun atau di Trengganu yang mana pada masa dahulu ada satu lombong besi yang besar di sana? Saya ingin menyatakan di sini Jabatan Penyiasatan Kaji Bumi dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga mempunyai satu rancangan khas bagi Pantai Timur sebelah gunung di Semenanjung Malaysia untuk mengkaji jenis-jenis logam

yang mungkin ada, bukan sahaja besi, tetapi barangkali copper, zinc, lead dan sebagainya. Tetapi berkenaan dengan besi yang ada sekarang di Semenanjung Malaysia ini saya ketahui tidak berapa sesuai sebab pada masa sekarang besi itu tidak ekonomik kalau kita hendak menggalinya.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus telah membangkitkan perkara berkenaan dengan penyakit getah khususnya di kalangan pekebun-pekebun kecil yang masih tanam semula atau sudah tanam semula. Ingin saya menjelaskan di sini bahawa ubat-ubat yang berkesan telahpun didapati oleh Pusat Penyelidikan Getah Malaysia (R.R.I.) Umpamanya bagi Penyakit akar (root disease) atau Penyakit Calar Kulit (Brown Bark) memang ada cara rawatan berkesan. Dalam menghadapi masalah seperti ini pihak yang terlibat patutlah melaporkannya dengan segera kepada R.R.I. atau kepada RISDA supaya kajian segera boleh diambil dan di sini suka saya mendesak pekebun-pekebun kecil dan juga estet jikalau ada penyakit seperti ini silalah melaporkan dengan segera kepada Pejabat RISDA atau R.R.I. yang berdekatan dan saya memberi jaminan bahawa kita ada kepakaran yang cukup bagi mengatasi masalah penyakit pokok getah ini sebab R.R.I. pun telah ditubuhkan di negara ini selama 50 tahun, oleh itu saya fikir kita tidak perlu bimbang berkenaan dengan perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus telah membangkitkan masalah pencurian kayu balak khasnya di sempadan kawasan yang diuruskan itu dan ini ialah satu perkara yang Kementerian saya memang akan ambil perhatian berat tetapi seperti saya kata selalu kuasa mengeluarkan lesen untuk membuka hutan bagi menguruskan kayu balak ini terpulung kepada Kerajaan Negeri dan saya yakin Kerajaan Negeri mesti mengambil segala langkah untuk menghapuskan apa-apa kecurian yang telah berlaku di kawasan kayu balak di bawah jagaan Kerajaan Negeri masing-masing. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan berhubung dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dan kalau Ahli Yang Berhormat ada butir-butir atau rahsia yang dikatakan tadi bolehlah kemukakan kepada Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah membangkitkan perkara berkenaan dengan tembakau yang mana beliau berkata penanam

tembakau adalah menghadapi kerugian sebab baja kurang baik. Baja yang diberi kepada pekebun kecil oleh Lembaga Tembakau Negara boleh saya menjelaskan di sini ialah baja mixture dan sebelum dipilih baja itu telah dikaji oleh MARDI dan juga pihak kilang rokok dan diberi kepada semua penanam-penanam tembakau. Saya dapati pada tahun ini oleh sebab hujan turun terlalu banyak di Pantai Timur ada kemungkinan baja itu kurang kuat dan mengakibatkan pengeluaran tembakau tahun itu barangkali tidak memuaskan. Tetapi kita akan mengkaji lagi semula dan saya yakin bahawa L.T.N. akan mengambil langkah yang segera supaya satu mixture baja ini boleh dapat digunakan oleh penanam tembakau dan boleh mengatasi masalah itu.

Ahli Yang Berhormat dari Ledang telah menyentuh berkenaan dengan kelemahan pentadbiran di RISDA dan saya pun telah menjelaskan tadi bahawa RISDA telah menubuhkan satu yunit Tugas Khas tetapi saya dapati bahawa Ahli Yang Berhormat itu telah cadangkan Badan Tugas Khas ini baik meliputi orang luar seumpama Wakil Rakyat dan sebagainya. Ini barangkali ada sedikit-sebanyak kesulitan sebab Badan Tugas Khas ini di bawah RISDA dan juga dijalankan oleh Pegawai-pegawai RISDA dan saya yakin Menteri berkenaan atau Kementerian saya ini mesti menjaga dengan teliti apa-apa langkah dan apa-apa yang dibuat oleh Badan Tugas Khas ini dan saya berharap seperti yang saya katakan tadi Akta RISDA dan peraturan-peraturan akan dipinda supaya kelemahan pentadbiran yang berlaku pada tahun yang lalu ini tidak akan ada lagi.

Tuan Pengerusi: Panjang lagi, Yang Berhormat?

Tuan Lew Sip Hon: Barangkali ada lima minit lagi.

Tuan Pengerusi: Teruskan.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Pengerusi, dan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur berkenaan dengan tanam semula getah dan di bawah Rancangan Tanam Semula bolehlah pekebun kecil mendapatkan satu kebun yang dikatakan economic size. Perkara ini pun telah dikaji dari masa kesemasa dan pada masa sekarang ada satu Jawatankuasa (Task

Force) di dalam Kementerian Tanah yang mengkaji tentang apa yang boleh dikatakan economic size luasnya bukan sahaja bagi pekebun kecil getah tetapi juga termasuk kelapa sawit barangkali tembakau, nenas dan sebagainya.

Ada satu perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar itu berkenaan dengan cukai eksport dan cess bagi pekebun-pekebun kecil ini yang mana beliau mengesyorkan kepada pekebun-pekebun kecil yang kurang dari 15 ekar ini dihapus atau dikecualikan daripada cukai eksport. Ingin saya katakan di sini, Kementerian dan saya sendiri pun sedar bahawa structure cukai eksport ini tidak berapa sesuai bagi pekebun-pekebun kecil sebab cukai eksport ini dikutip mengikut R.S.S. No. 1. Dan kita pun tahu pekebun-pekebun kecil yang selalu mengeluarkan getah itu R.S.S. No. III dan IV. Dari segi ini ada kemungkinan diskriminasi terhadap pekebun kecil. Tetapi cara untuk mengatasi diskriminasi ini supaya pekebun kecil yang membayar cukai eksport memikul beban yang sama dengan estet itu sedang dikaji dan Kementerian saya telah berhubung dengan Perbendaharaan supaya satu cara atau satu rancangan boleh dijalankan yang mana pekebun-pekebun kecil ini boleh memikul beban sama rata dengan estet.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat membangkitkan perkara berkenaan dengan nenas iaitu untuk meninggikan mutu nenas dan memperbaiki pasaran antarabangsa. Ini memang telah dijalankan bukan sahaja oleh M.P.I.B. tetapi Kementerian saya pun telah dari masa ke semasa mengkaji langkah-langkah penyelidikan supaya mutu nenas itu boleh dipertingkatkan.

Akhir sekali, Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah mendesak Kementerian saya supaya mengambil tindakan untuk menghantar mission keluar negeri. Ini sudah selalu dibuat. Pada tahun lalu sudah ada dua tiga mission dan pada tahun ini sudah ada dan tidak payah saya menjawab ini.

Berkenaan dengan tuduhan yang dibuat tadi mengenai lesen yang dikeluarkan kepada pengeksport kayu balak ini, yang mana dikatakan lesen-lesen ini cuma dikeluarkan kepada V.I.P. Di sini saya ingin menafikan tuduhan ini dan apa-apa lesen yang dikeluarkan itu berdasarkan kepada keperluan.

Terlebih dahulu dasar kita ialah untuk menjamin bekalan kayu balak bagi kilang papan di negara ini mencukupi. Jadi dengan sebab itu kita menghalangkan eksport 11 jenis kayu serta lesen yang perlu untuk balak lebih daripada 16" diameter. Tuduhan yang tidak berasas ini, saya menafikan di sini. Begitu juga tuduhan mengenai timber grader, ini memang satu sikap Ahli Yang Berhormat dari parti Pembangkang cuma membuat tuduhan umum dan tidak ada apa-apa butir-butir; saya ingat tidak payah saya jawab di sini.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$17,737,100 untuk kepala B. 22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$81,516,020 untuk Kepala P. 22 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1977.

Kepala B. 23 dan B. 24 (Jadual)

Kepala P. 23 dan P. 24 (Anggaran Pembangunan, 1977) —

6.15 ptg.

Menteri Pertanian (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Tuan Pengerusi, saya mohon membentangkan anggaran belanjawan Kementerian Pertanian bagi tahun 1977 berjumlah \$463,061,790 seperti berikut:

Kepala Bekalan 23, Belanja Mengurus, Kementerian Pertanian sebanyak \$124,469,100;

Kepala Pembangunan 23, Perbelanjaan Pembangunan, Kementerian Pertanian sebanyak \$330,695,590;

Kepala Bekalan 24, Belanja Mengurus, Jabatan Pembangunan Koperasi sebanyak \$5,974,000; dan

Kepala Pembangunan 24, Perbelanjaan Pembangunan, Jabatan Pembangunan Koperasi sebanyak \$1,923,100; yang menjadikan jumlah kesemuanya \$463,061,790.

Tuan Pengerusi, di dalam tahun 1977, Jabatan Pertanian Kementerian saya akan memberi keutamaan kepada kemajuan tanaman makanan (food crops), tanaman makanan untuk ternakan (feed crops), dan juga lain-lain tanaman yang dijangka mem-

punyai keupayaan menjadi tanaman penting negara. Bagi menjamin supaya segala usaha ke arah matlamat ini dapat sambutan yang diharapkan dari petani-petani, maka segala aktiviti dan program di Jabatan ini akan diperluas dan dipertingkatkan. Bagi membiayai aktiviti-aktiviti dan program-program ini yang sebahagian besarnya adalah berupa perkhidmatan-perkhidmatan teknikal, anggaran Belanja Mengurus yang diperlukan adalah sebanyak \$15,011,300 dan Belanja Pembangunan sebanyak \$28,182,000.

Di antara beberapa perbelanjaan yang penting, bantuan wang dan juga lain-lain imput pertanian kepada pekebun-pekebun kecil kelapa akan diteruskan dan diperluaskan lagi di dalam semua negeri di Semenanjung Malaysia. Sebanyak \$8.3 juta adalah diutangkan bagi tujuan ini. Dalam hal ini pekebun-pekebun kecil kelapa digalakkan menanam semula satu jenis kelapa baru yang diberi nama Mawa yang boleh memberikan hasil sekurang-kurang tiga kali ganda lebih banyak daripada pengeluaran kelapa biasa. Untuk menentukan supaya mereka mendapat pendapatan yang lebih lumayan, mereka juga digalakkan menanam tanaman-tanaman kontan seperti koko, kopi dan lada hitam mengikut jenis tanah kebun-kebun mereka.

Rancangan untuk mengeluarkan lebih ramai lagi Juruteknik Pertanian untuk memenuhi keperluan negara akan juga dicepatkan pelaksanaannya oleh kerana kekurangan tenaga kerja pertanian yang mahir di peringkat ini merupakan penghalang kepada usaha untuk mencapai cita-cita Kerajaan dalam bidang pertanian.

Aktiviti-aktiviti Pertanian di Negeri Sarawak akan memerlukan peruntukan sebanyak \$11,463,000 di dalam tahun 1977. Peruntukan ini adalah juga untuk pembinaan stesyen-stesyen percubaan, pembelian jentera ladang dan pembelian alat-alat makmal di bawah aktiviti penyelidikan pertanian. Peruntukan tersebut akan juga digunakan untuk membiayai pembukaan tanah seluas 2,500 ekar di bawah Rancangan Bantuan Lada Hitam dan 10,500 ekar untuk tanaman-tanaman seperti kacang soya, kopi, kelapa sawit dan lain-lain.

Pertanian Sabah akan menumpukan aktiviti-aktiviti mereka untuk memperbaiki lagi kemudahan-kemudahan latihan pertanian di

negeri itu. Perbelanjaan pembangunan pertanian negeri itu adalah dianggarkan sebanyak \$3.4 juta.

Tuan Pengerusi, Jabatan Parit dan Taliair adalah salah satu bahagian teknikal Kementerian ini yang telah diberi peruntukan lebih dari \$582 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Seperti yang sedia maklum, Jabatan ini adalah bertanggungjawab untuk membina infrastruktur dan memberi perkhidmatan kejuruteraan untuk membangun dan menggunakan sumber-sumber air di negara ini.

Di dalam tahun 1977, \$51.5 juta akan diuntukkan bagi membina kemudahan perparitan dan taliair tambahan untuk projek-projek pengairan Muda dan Kemubu dan sistem taliair Seberang Perak (Trans Perak) Peringkat IV. Pada tahun hadapan juga akan dimulakan kerja-kerja pembinaan sistem pengairan, saliran dan rancangan mencegah banjir di bawah Rancangan Pembangunan Luar Badar Kelantan Utara yang baru diluluskan oleh Kerajaan.

Di bawah projek-projek saliran Jabatan Parit dan Taliair, Projek Pembangunan Pertanian Johor Barat Peringkat I akan terus diberi keutamaan dan bagi tahun 1977 wang sebanyak \$27 juta adalah diuntukkan baginya. Selain dari itu, kerja-kerja memperbaiki sistem saliran di kawasan Bagan Datok, Sabak Bernam dan beberapa rancangan lain akan juga dijalankan.

Kajian Lembah Sungai Kelantan bagi projek pembangunan sumber air telah berjalan dengan lancar dan adalah dijangka akan dapat disiapkan di dalam tahun 1977 ini juga. Kajian yang sama ke atas Lembah Sungai Trengganu mungkin akan diperluaskan lagi di dalam tahun hadapan.

Berhubung dengan rancangan tebatan banjir, Jabatan Parit dan Taliair telahpun menjalankan beberapa kajian dan membuat rekabentuk beberapa rancangan tertentu. Empangan Klang Gates di Kuala Lumpur misalnya, akan dapat ditinggikan mulai tahun 1977 ini, sebagai sebahagian dari Rancangan Tebatan Banjir di dalam kawasan Wilayah Persekutuan. Untuk membiayai rancangan-rancangan yang disebutkan ini anggaran belanja pembangunan sebanyak

\$112,127,000 dan belanja mengurus sebanyak \$4.9 juta adalah diperlukan oleh Jabatan itu untuk tahun 1977.

Sejumlah 29.4 juta adalah dipohon bagi Jabatan Perikanan di dalam tahun 1977—\$7.1 juta daripadanya adalah merupakan belanja mengurus, sementara bakinya sebanyak \$22.2 juta adalah belanja pembangunan. Jabatan ini bertanggungjawab menyediakan kemudahan-kemudahan asas kepada nelayan-nelayan melalui kegiatan-kegiatan latihan, perkembangan dan penguatkuasanya. Tahun 1977 ini juga akan dapat melihat permulaan perkembangan rancangan subsidi yang lebih bermakna kepada nelayan-nelayan sebagai satu cara yang berkesan untuk meninggikan taraf hidup mereka. Rancangan pembinaan 5 buah kompleks pelabuhan ikan yang dijadualkan bagi Rancangan Malaysia Ketiga akan juga dimulakan pada tahun hadapan iaitu di Batu Maung, Cendering, Kuala Kluang, Kuala Sedili, Genting dan Kuantan.

Bagi Jabatan Haiwan pula, ia akan memerlukan peruntukan pembangunan sebanyak \$15.9 juta dan belanja mengurus sebanyak \$8.9 juta.

Jabatan itu telah membuat rancangan-rancangan pembangunannya yang megutamakan penternak-penternak kecil luar bandar, terutama di negeri-negeri yang kurang maju. Projek perkembangan perusahaan lembu akan diperluaskan ke Negeri-negeri Kelantan, Kedah dan Trengganu di dalam tahun 1977 ini. Sementara itu rancangan pengeluaran susu akan juga diperluaskan ke Negeri-negeri Kedah dan Perak, setelah mendapat kejayaan yang memuaskan di Negeri-negeri Melaka, Johor, Negeri Sembilan dan Selangor.

Sejajar dengan perkembangan-perkembangan ini, maka rancangan-rancangan perkhidmatan bantuan Jabatan itu seperti mengawal penyakit, meningkatkan mutu ternakan dan latihan, perlulah ditambah dan dipergiatkan lagi, terutama dengan adanya pengimpotan dan pembahagian ternakan yang banyak di dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.

Di Sarawak pula, sebuah stesyen kerantina baru akan diadakan di Lubok Antu iaitu di sempadan Bahagian II dengan Kalimantan

Indonesia. Kemudahan-kemudahan penyelidikan penyakit haiwan akan juga diperkembangkan di negeri itu pada tahun hadapan.

Di Sabah, aktiviti-aktiviti perkhidmatan haiwan akan ditumpukan kepada projek-projek pembaikan dan pembanyakan lembu dan kerbau.

Bahagian Kemajuan Masyarakat Kementerian ini akan menumpukan usahanya di dalam tahun 1977 terhadap menambah mutu dan kesan perkhidmatan yang sedang dijalankan. Satu kajian ke atas perkara ini akan dijalankan dengan kerjasama Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia dan Universiti Pertanian. Bahagian itu juga akan meneruskan aktiviti-aktiviti biasanya dan akan meluaskan scope kegiatannya yang mempunyai potential ke arah pembangunan masyarakat keseluruhannya—mental dan physical. Aktiviti-aktiviti ini adalah merupakan sumbangan Bahagian tersebut untuk menyokong atau menguatkan lagi rancangan-rancangan Kerajaan yang lain.

Bahagian ini memerlukan peruntukkan sebanyak \$8,899,000 untuk belanja mengurus dan \$2,490,000 untuk belanja pembangunan.

Jumlah belanja mengurus yang diperlukan bagi Jabatan Pembangunan Koperasi di dalam tahun 1977 ialah sebanyak \$5.9 juta; sementara belanja pembangunannya sebanyak \$1.9 juta. Jabatan ini sedang berusaha untuk menyusun semula koperasi-koperasi kecil supaya dapat dicantumkan menjadi koperasi-koperasi yang lebih besar, kukuh dan viable. Koperasi-koperasi ini akan diberi galakkan sepenuhnya supaya bergiat di dalam lapangan perdagangan dan perindustrian. Selain daripada itu, Jabatan ini juga akan membanyakkkan penubuhan koperasi-koperasi sekolah sehingga mencapai 800 buah kesemuanya, sepertimana yang telah dirancang di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Kedudukan dan keadaan dari segala segi Kolej Koperasi di Petaling Jaya akan dikaji semula dengan tujuan hendak menjadikannya sebagai pusat pengajaran dan latihan koperasi yang bernilai tinggi dan lebih berkesan lagi bagi perkembangan dan kemajuan gerakan koperasi di negara ini.

Tuan Pengerusi, selain dari Jabatan-jabatan dan Bahagian yang disebutkan di atas tadi, Kementerian Pertanian juga adalah bertanggungjawab ke atas 8 buah badan berkanun iaitu Bank Pertanian, FAMA, L.P.P., MARDI, MAJUTERNAK, MAJU-IKAN, MADA dan KADA. Badan-badan Berkanun ini akan membelanjakan lebih \$100 juta untuk pembangunan, dan lebih \$75 juta untuk belanja mengurus di dalam tahun 1977.

FAMA akan menjalankan beberapa projek pembangunan yang akan memakan belanja sebanyak \$3.9 juta. Ini termasuk pembinaan 3 buah Pusat Memproses Lada Hitam di Kuching, Sarikei dan Johor Bahru; 2 buah Pusat Memproses Kelapa Kering, sebuah di Sabah dan sebuah lagi di Selangor, dan 10 buah lagi Pusat Pemasaran Pertanian.

Belanja Mengurus Lembaga itu akan meningkat menjadi \$5 juta di dalam tahun 1977, berikutan dari bertambahnya aktiviti-aktiviti Lembaga di peringkat negeri, terutama di Negeri-negeri Sabah dan Sarawak. FAMA akan juga meneruskan dan meluaskan lagi usahanya memajukan pemasaran hasil-hasil pertanian di luar negeri. Satu rombongan perniagaan adalah dijangka akan dihantar melawat Negeri-negeri Scandinavia, Gulf States dan Jepun pada tahun hadapan.

Projek-projek Lembaga Pertubuhan Peladang di dalam tahun 1977 adalah merupakan projek-projek lanjutan dari tahun sebelumnya. Lembaga itu memerlukan \$15 juta untuk tujuan tersebut, yang kebanyakannya akan digunakan bagi mendirikan pusat-pusat kemajuan peladang, petak semaian, kompleks simpanan benih dan lain-lain lagi.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup. Yang Berhormat Menteri boleh sambung pada hari esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang, hari Selasa, 23hb November, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.